

BAB IV

PENEMUAN HASIL KAJIAN: ANALISIS FREKUENSI DAN UJIAN HIPOTESIS

4.1 Pengenalan

Berdasarkan kepada data-data yang diperolehi, dalam bab ini akan diuraikan analisis frekuensi dan ujian hipotesis yang telah diproses dengan menggunakan pakej statistik untuk sains sosial (SPSS). Analisis yang menggunakan ujian khi-kuasa dua dalam kajian ini adalah untuk melihat perhubungan yang wujud di antara angkubah-angkubah. Angkubah bebas, iaitu, yang terdiri dari faktor demografi adalah meliputi aspek umur, jantina, etnik, agama, pendapatan dari pencen, dan status perumahan; manakala angkubah bersandar yang digunakan untuk perbandingan adalah terdiri dari aspek keperluan yang diperlukan, iaitu, keperluan fisiologi dan sosio-budaya, keperluan ekonomi, dan keperluan kesihatan.

Dalam bab ini, hanya angkubah-angkubah yang mempunyai perhubungan yang signifikan sahaja dibincangkan. Angkubah-angkubah yang tidak mempunyai perhubungan yang signifikan pada paras keertian lima peratus tidak akan dibincangkan.

Daripada sejumlah 250 set borang soal selidik yang diedarkan, hanya 200 set borang yang boleh diterimapakai untuk tujuan penganalisisan dalam kajian ini. Borang soal selidik yang diedarkan tersebut mengandungi lima bahagian utama seperti yang dapat dilihat dalam Lampiran I.

4.2 Profail Responden

Data-data profail responden didapati dari pada soal selidik yang dijalankan. Profail ini adalah mengenai umur, jantina, etnik, agama, status perumahan, kelulusan, tarikh persaraan, pendapatan pencen, pekerjaan sekarang, pendapatan lain selain dari pencen, dan bilangan anak.

4.2.1 Umur

Menurut skim perkhidmatan di bawah Skim Saraan Baru (SSB), seseorang pekerja boleh memohon bersara pilihan pada umur 40 tahun. Daripada 200 orang responden yang dipilih, majoriti pesara iaitu seramai 113 orang (56.5 peratus) berumur di antara 50 hingga 60 tahun. Sembilan belas orang (9.5 peratus) pula berumur kurang dari 50 tahun, manakala bakinya 34 peratus (68 orang) berumur lebih dari 60 tahun. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden (86.5 peratus) adalah berumur dalam lingkungan 50 hingga 70 tahun.

**Jadual 4.1
Umur Responden**

N=200

Umur	Frekuensi	Peratus
Kurang dari 50 tahun	19	9.5
50 tahun - 60 tahun	113	56.5
61 tahun - 70 tahun	60	30.0
Lebih dari 70 tahun	8	4.0
Jumlah	200	100.0

4.2.2 Jantina

Daripada soal selidik yang dijalankan ke atas 200 orang pesara, 170 orang (85 peratus) adalah terdiri dari kaum lelaki, manakala selebihnya, iaitu, 30 orang (15 peratus) adalah kaum perempuan.

Jadual 4.2
Jantina Responden

N=200

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	170	85.0
Perempuan	30	25.0
Jumlah	200	100.0

4.2.3 Bangsa

Dari Jadual 4.3 dapat dilihat pecahan responden mengikut bangsa. Dari 200 responden yang dikaji, majoritinya adalah berbangsa Melayu.

Jadual 4.3
Bangsa Responden

N=200

Bangsa	Frekuensi	Peratus
Melayu	151	75.5
Cina	11	5.5
India	36	18.0
Lain-lain	2	1.0
Jumlah	200	100.0

Seramai 151 orang (75.5 peratus) adalah berbangsa Melayu. Ini diikuti oleh bangsa India (36 orang atau 18.0 peratus), dan dituruti oleh bangsa Cina seramai 11 orang (5.5 peratus). Bakinya, dua orang (1.0 peratus) adalah terdiri dari lain-lain bangsa.

4.2.4 Agama

Jadual 4.4 menunjukkan majoriti responden adalah beragama Islam, iaitu, seramai 151 orang (75.5 peratus), diikuti oleh yang beragama Hindu seramai 37 orang (18.5 peratus). Bakinya seramai sembilan orang (4.5 peratus) beragama Buddha dan tiga orang lagi (1.5 peratus) adalah beragama Kristian.

Jadual 4.4
Agama Responden

N=200

Agama	Frekuensi	Peratus
Islam	151	75.5
Hindu	37	18.5
Buddha	9	4.5
Kristian	3	1.5
Jumlah	200	100.0

4.2.5 Status Perkahwinan

Lapan puluh enam peratus responden (172 orang) adalah merupakan pesara yang masih mempunyai pasangan hidup, manakala selebihnya, iaitu, 14.0 peratus atau dua puluh lapan orang adalah merupakan mereka yang bujang (termasuk duda dan janda). Jelasnya di sini, majoriti pesara adalah yang masih mempunyai pasangan hidup.

Jadual 4.5
Status Perkahwinan Responden

N=200

Status Perkahwinan	Frekuensi	Peratus
Berkahwin	172	86.0
Bujang	28	14.0
Jumlah	200	100.0

4.2.6 Kelulusan

Lebih dari separuh responden (106 orang atau 53 peratus) mempunyai kelulusan sekolah menengah, iaitu sama ada mempunyai Sijil Rendah Pelajaran, Sijil Pelajaran Malaysia, atau Sijil Tinggi Persekolahan. Mereka yang bersekolah setakat sekolah rendah sahaja adalah seramai 81 orang (40.5 peratus), manakala bakinya seramai 13 orang (6.5 peratus) adalah yang mempunyai kelulusan dari Institusi Pengajian Tinggi. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden adalah terdiri dari mereka yang mempunyai kelulusan sekolah menengah.

**Jadual 4.6
Kelulusan Responden**

N=200

Kelulusan	Frekuensi	Peratus
Sekolah Rendah	81	40.5
Sekolah Menengah	106	53.0
Diploma	8	4.0
Ijazah	5	2.5
Jumlah	200	100.0

4.2.7 Tarikh Bersara

Seramai 107 orang responden (53.5 peratus) telah bersara di antara tahun 1980 dan 1990. Tujuh puluh lapan orang lagi (39 peratus) telah bersara selepas tahun 1990, manakala selebihnya seramai 15 orang (7.5 peratus) telah bersara sebelum tahun 1980. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden (185 orang atau 92.5 peratus) telah bersara dalam jangka masa dua dekad kebelakangan ini.

**Jadual 4.7
Tarikh Persaraan Responden**

N=200

Tarikh Bersara	Frekuensi	Peratus
Sebelum 1980	15	7.5
1980 - 1990	107	53.5
Selepas 1990	78	39.0
Jumlah	200	100.0

4.2.8 Pendapatan Pencen

Kelompok pendapatan di antara RM500 hingga RM1000 adalah merupakan kelompok tertinggi yang diperolehi oleh responden, iaitu seramai 91 orang (45.4 peratus). Ini diikuti oleh kelompok pendapatan kurang dari RM500 (85 orang atau 42.5 peratus). Kelompok pendapatan lebih dari RM1000 diperolehi oleh seramai 24 orang atau 12 peratus. Ini menunjukkan majoriti responden mendapat pencen kurang dari RM1000 sebulan.

Jadual 4.8
Pendapatan Pencen Responden

N=200

Pendapatan Pencen	Frekuensi	Peratus
Kurang dari RM500	85	42.5
RM500 - RM1000	91	45.5
RM1001 - RM1500	20	10.0
RM1501 - RM2000	3	1.5
Lebih dari RM2000	1	0.5
Jumlah	200	100.0

4.2.9 Pekerjaan Sekarang

Semasa bersara, hanya 96 orang sahaja responden terus bergiat dalam alam pekerjaan. Di antara bidang pekerjaan yang diceburi ialah empat orang (4.1 peratus) bergiat sebagai usahawan, 19 orang (19.8 peratus) menceburkan diri dalam bidang perniagaan, sepuluh orang (10.4 peratus) bekerja sebagai jaga, enam orang (96.3

peratus) bekerja sebagai pemandu, dan 12 orang (12.5 peratus) terus menyambung perkhidmatan dengan kerajaan secara kontrak. Bakinya 45 orang (46.9 peratus) memilih untuk bekerja secara sendiri seperti mengusahakan kebun sendiri dan bersawah. Jelasnya di sini, tidak sampai separuh dari responden yang dikaji menjalankan kegiatan yang mendatangkan hasil pendapatan sampingan selain daripada pencen bulanan yang diperolehi.

Jadual 4.9
Pekerjaan Responden Sekarang

N=96

Pekerjaan Sekarang	Frekuensi	Peratus
Usahawan	4	4.1
Berniaga	19	19.8
Jaga	10	10.4
Sendiri	45	46.9
Pemandu	6	6.3
Kontrak Kerajaan	12	12.5
Jumlah	96	100.0

4.1.10 Pendapatan Lain

Selain dari mendapat pencen bulanan, seramai 96 orang responden mempunyai sumber pendapatan yang lain, iaitu sama ada pekerjaan yang diceburi atau pun dari sumber-sumber lain seperti hasil dari rumah sewa. Empat puluh satu orang (41.8 peratus) mendapat pendapatan kurang dari RM500 sebulan, dan 29

orang (29.6 peratus) mendapat pendapatan di antara RM500 hingga RM1000 sebulan. Bakinya, 26 orang atau 26.5 peratus mendapat pendapatan yang tinggi, iaitu melebihi RM1000 sebulan. Ini jelas menunjukkan bahawa pesara masih berupaya untuk bekerja lagi selepas bersara dari alam pekerjaan dengan kerajaan, dan boleh menambahkan pendapatan yang sedia ada.

Jadual 4.10
Pendapatan Lain Responden

N=96

Pendapatan	Frekuensi	Peratus
Kurang dari RM500	41	41.8
RM500 - RM1000	29	29.6
RM1001 - RM1500	16	16.3
RM1501 - RM2000	2	2.0
Lebih dari RM2000	8	8.2
Jumlah	96	100.0

4.2.11 Bilangan Anak Sudah Bekerja

Jadual 4.11 menunjukkan 59 orang responden (33.7 peratus) mempunyai anak yang sudah bekerja seramai satu hingga dua orang. Enam puluh satu orang lagi (34.9 peratus) mempunyai anak sudah bekerja seramai di antara tiga hingga empat orang, manakala bakinya, 55 orang (31.4 peratus) mempunyai anak yang sudah bekerja seramai lebih dari empat orang. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai anak yang sudah bekerja di antara satu hingga empat orang.

Jadual 4.11
Bilangan Responden Yang Mempunyai Anak Sudah Bekerja

N=175

Bilangan	Frekuensi	Peratus
1 hingga 2 orang	59	33.7
3 hingga 4 orang	61	34.9
Lebih dari 4 orang	55	31.4
Jumlah	175	100.0

4.2.12 Bilangan Anak Bersekolah

Jadual 4.12 pula menunjukkan seramai 77 orang responden (70.6 peratus) masih mempunyai anak seramai di antara satu hingga dua orang yang masih bersekolah sama ada di sekolah rendah atau menengah. Bakinya, seramai 32 orang (29.4 peratus) mempunyai lebih dari tiga orang anak yang masih bersekolah. Jelasnya, majoriti responden masih mempunyai kurang dari dua orang anak yang masih bersekolah.

Jadual 4.12
Bilangan Responden Yang Mempunyai Anak Masih Bersekolah

N=109

Bilangan	Frekuensi	Peratus
1 hingga 2 orang	77	70.6
3 hingga 4 orang	22	20.2
Lebih dari 4 orang	10	9.2
Jumlah	109	100.0

4.2.13 Bilangan Anak Yang Belum Bersekolah

Jadual di bawah menunjukkan bahawa hanya seramai enam orang responden sahaja yang masih mempunyai anak yang masih kecil, iaitu masih belum bersekolah lagi.

Jadual 4.13
Bilangan Responden Yang Mempunyai Anak Belum Bersekolah

$N=6$

Bilangan	Frekuensi	Peratus
1 hingga 2 orang	6	100.0
Jumlah	6	100.0

4.3 Profail Pekerjaan Sebelum Bersara

Selain daripada profail peribadi responden, profail pekerjaan sebelum responden bersara juga diteliti. Antara kandungan dalam profail ini, termasuk jawatan yang disandang, tempat bertugas, kategori jawatan, tempoh perkhidmatan, dan sebab-sebab bersara.

4.3.1 Jawatan Yang Disandang

Sebelum bersara, seramai 43 orang (21.5 peratus) responden bekerja dalam bidang perkeranian. Ini diikuti oleh bidang teknikal iaitu seramai 42 orang (21 peratus). Buruh adalah merupakan golongan ketiga teramai menjadi responden kajian ini, iaitu seramai 37 orang atau 18.5 peratus. Pendidik, iaitu termasuklah pensyarah dan guru pula adalah merupakan kumpulan keempat teramai (33 orang

atau 16.5 peratus). Bakinya ialah pemandu seramai 17 orang atau 8.5 peratus, pegawai kerajaan (lapan orang atau empat peratus), polis (lima orang atau 2.5 peratus), pegawai atasan kerajaan (seorang atau 0.5 peratus), dan lain-lain bidang pekerjaan seramai 14 orang atau tujuh peratus. Ini menunjukkan bahawa bidang pekerjaan responden yang dikaji adalah tidak tertumpu kepada sesuatu bidang yang tertentu sahaja.

Jadual 4.14
Jawatan Responden

N=200

Jawatan	Frekuensi	Peratus
Pegawai Atasan	1	0.5
Pegawai Kerajaan	8	4.0
Pendidik	33	16.5
Teknikal	42	21.0
Perkeranian	43	21.5
Pemandu	17	8.5
Polis	5	2.5
Buruh	37	18.5
Lain-lain	14	7.0
Jumlah	200	100.0

4.3.2 Jabatan Tempat Bertugas

Seramai 39 orang responden (19.5 peratus) bertugas di jabatan Kerajaan Persekutuan, manakala yang bekerja di jabatan Kerajaan Negeri adalah seramai 76 orang (38 peratus). Paling ramai responden bertugas dengan Badan Berkanun, iaitu seramai 77 orang atau 38.5 peratus, dan bakinya, seramai lapan orang atau empat peratus bertugas dengan jabatan Kerajaan Tempatan. Jelasnya, majoriti responden adalah bertugas dengan jabatan penuh kerajaan (“fully government”) iaitu seramai 123 orang atau 61.5 peratus.

Jadual 4.15
Jabatan Tempat Responden Bertugas

N=200

Jabatan	Frekuensi	Peratus
Persekutuan	39	19.5
Negeri	76	38.0
Tempatan	8	4.0
Berkanun	77	38.5
Jumlah	200	100.0

4.3.3 Kategori Jawatan

Pembahagian responden mengikut kategori jawatan ialah 90 orang dari Kumpulan D iaitu 45 peratus, diikuti oleh Kumpulan C seramai 70 orang (35 peratus), Kumpulan B seramai 30 orang (15 peratus), dan Kumpulan A seramai

sepuluh orang atau lima peratus. Jelasnya di sini, majoriti responden adalah dalam kumpulan sokongan (Kumpulan B, C dan D).

Jadual 4.16
Kategori Jawatan Responden

N=200

Kategori	Frekuensi	Peratus
Kumpulan A	10	5.0
Kumpulan B	30	15.0
Kumpulan C	70	35.0
Kumpulan D	90	45.0
Jumlah	200	100.0

4.3.4 Tempoh Perkhidmatan

Jadual 4.17 rata-rata menunjukkan bahawa kesemua responden telah bertugas melebihi sepuluh tahun sebelum bersara. Majoriti responden, iaitu 107 orang (53.5 peratus) telah pun berkhidmat selama lebih dari 25 tahun. Mereka yang telah berkhidmat di antara 21 hingga 25 tahun adalah seramai 68 orang atau 34 peratus. Ini disusuli oleh mereka yang telah berkhidmat di antara 16 hingga 20 tahun seramai 20 orang (10 peratus), dan akhirnya, yang bertugas kurang dari 15 tahun tetapi melebihi sepuluh tahun adalah seramai lima orang atau 2.5 peratus. Dalam lain-lain perkataan, dapatlah dikatakan bahawa seramai 175 orang (87.5 peratus) telah bertugas dengan kerajaan lebih dari 20 tahun.

Jadual 4.17
Tempoh Perkhidmatan Responden

N=200

Tempoh Perkhidmatan	Frekuensi	Peratus
10 hingga 15 tahun	5	2.5
16 hingga 20 tahun	20	10.0
21 hingga 25 tahun	68	34.0
Lebih dari 25 tahun	107	53.5
Jumlah	200	100.0

4.3.5 Sebab-Sebab Bersara

Seramai 162 orang responden (81 peratus) terpaksa bersara dari pekerjaannya kerana sudah cukup umur untuk bersara pada umur 55 tahun. Dengan lain-lain perkataan, mereka ini wajib bersara kerana sudah cukup umur untuk bersara mengikut undang-undang negara kita.

Jadual 4.18
Sebab-Sebab Responden Bersara

N=200

Sebab Bersara	Frekuensi	Peratus
Wajib (cukup umur)	162	81.0
Bersara Pilihan	35	17.5
Sebab Kesihatan	3	1.5
Jumlah	200	100.0

Walaupun begitu, terdapat seramai 35 orang (17.5 peratus) responden yang memilih untuk bersara lebih awal, iaitu bersara pilihan sebelum mencapai umur 55 tahun; dan mereka yang bersara awal atas sebab kesihatan adalah seramai tiga orang atau 1.5 peratus sahaja.

4.4 Pemilikan Harta dan Tanggungan

Pemilikan harta dan tanggungan responden adalah penting untuk diketahui kerana, secara tidak langsung ia akan menggambarkan kedudukan ekonomi seseorang itu. Dalam bahagian ini, kita akan melihat kedudukan harta responden seperti rumah, kenderaan, dan perniagaan. Kita juga akan melihat tanggungan atau liabiliti yang ditanggung oleh responden seperti hutang-hutang dan sebagainya.

4.4.1 Pemilikan Rumah

Rumah adalah merupakan sejenis harta yang amat berharga bagi semua orang. Jadual 4.19 menunjukkan bahawa majoriti responden, iaitu, seramai 185 orang (92.5 peratus) mempunyai rumah sendiri, berbanding hanya 15 orang atau 7.5 peratus sahaja yang tidak memilikinya.

Jadual 4.19
Pemilikan Rumah

N=200

Pemilikan Rumah	Frekuensi	Peratus
Ada	185	92.5
Tiada	15	7.5
Jumlah	200	100.0

4.4.2 Jenis Rumah Dimiliki

Mengikut jenis rumah yang dimiliki, rumah jenis kos rendah adalah merupakan jenis rumah yang paling banyak dimiliki, iaitu oleh seramai 51 orang atau 27.6 peratus responden. Ini diikuti oleh jenis rumah teres setingkat yang dipunyai oleh 47 orang responden (25.4 peratus). Jenis rumah teres dua tingkat pula adalah yang ketiga terbanyak dimiliki, iaitu oleh seramai 26 orang responden (14.1 peratus). Lain-lain jenis rumah dimiliki ialah rumah jenis berkembar (12 orang atau 6.5 peratus), rumah jenis banglow (11 orang atau 5.9 peratus), dan “apartment” (empat orang atau 2.2 peratus). Selebihnya, seramai 34 orang responden (18.4 peratus) memiliki rumah jenis lain, termasuklah rumah kampung. Ini menunjukkan lebih daripada separuh responden mempunyai rumah yang harganya rendah dan sederhana rendah.

Jadual 4.20
Jenis Rumah Yang Dimiliki

N=185

Jenis Rumah	Frekuensi	Peratus
Kos Rendah	51	27.6
Teres Setingkat	47	25.4
Teres Dua Tingkat	26	14.1
Berkembar	12	6.5
Banglow	11	5.9
“Apartment”	4	2.2
Lain-lain	34	18.4
Jumlah	185	100.0

4.4.3 Tempat Tinggal Sekarang (Bagi Yang Tidak Mempunyai Rumah Sendiri)

Seramai 15 orang responden tidak mempunyai rumah sendiri, dan mereka ini tinggal sama ada di rumah sewa, rumah anak-anak, rumah saudara mara dan sebagainya. Dari jumlah 15 orang tersebut, seramai dua orang (13.3 peratus) tinggal di rumah sewa, tiga orang (20 peratus) tinggal di rumah anak, dua orang (13.3 peratus) tinggal di rumah saudara mara, dan dua orang lagi (13.3 peratus) tinggal di rumah pusaka tinggalan ibu atau bapa mereka. Sementara itu, seramai enam orang (40 peratus) tinggal di tempat-tempat lain seperti menumpang di rumah kawan-kawan.

Jadual 4.21
Tempat Tinggal Sekarang

N=15

Tempat Tinggal	Frekuensi	Peratus
Rumah Sewa	2	13.3
Rumah Anak	3	20.0
Rumah Saudara	2	13.3
Rumah Pusaka	2	13.3
Lain-lain	6	40.0
Jumlah	15	100.0

4.4.4 Pinjaman Perumahan

Dalam Jadual 4.22 dapat dilihat bahawa majoriti responden, iaitu seramai 121 orang (65.4 peratus) sudah tidak mempunyai tanggungan pinjaman perumahan lagi,

berbanding 64 orang (34.6 peratus) yang masih menanggung beban pinjaman perumahan.

Jadual 4.22
Pinjaman Perumahan

N=185

Pinjaman Perumahan	Frekuensi	Peratus
Ada	64	34.6
Tiada	121	65.4
Jumlah	185	100.0

4.4.5 Punca Pinjaman Perumahan

Daripada jumlah 64 orang yang masih mempunyai pinjaman perumahan, 43 orang (67.2 peratus) mendapat pinjaman perumahan dari Perbadanan Malaysia, empat orang (6.3 peratus) mendapat pinjaman dari pihak Bank. Selebihnya, seramai 17 orang (26.6 peratus) mendapat pinjaman dari pihak lain seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Jadual 4.23
Punca Pinjaman Perumahan

N=64

Punca Pinjaman	Frekuensi	Peratus
Kerajaan Malaysia	43	67.2
Bank	4	6.3
Lain-lain	17	26.6
Jumlah	64	100.0

4.4.6 Baki Pinjaman Perumahan

Seramai 26 orang (40.6 peratus) responden mempunyai baki pinjaman perumahan kurang dari RM10000. Tiga belas orang atau 20.3 peratus masih mempunyai baki pinjaman sebanyak di antara RM10000 hingga RM20000, sembilan orang (14.1 peratus) mempunyai baki pinjaman di antara RM20001 hingga RM30000, dan seramai 16 orang (25 peratus) masih mempunyai hutang lebih dari RM30000. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden (39 orang atau 60.9 peratus) mempunyai baki pinjaman perumahan kurang dari RM20000.

Jadual 4.24
Baki Pinjaman Perumahan

N=64

Baki Pinjaman	Frekuensi	Peratus
Kurang dari RM10000	26	40.6
RM10000 - RM20000	13	20.3
RM20001 - RM30000	9	14.1
Lebih dari RM30000	16	25.0
Jumlah	64	100.0

4.4.7 Tempoh Pembayaran Pinjaman

Jadual 4.25 menunjukkan bahawa seramai sepuluh orang responden (15.6 peratus) masih mempunyai tempoh selama kurang dari 40 bulan untuk melangsakan pinjaman perumahan mereka, manakala 28 orang (43.8 peratus) mempunyai tempoh selama di antara 40 dan 80 bulan untuk menjelaskan hutang pinjaman perumahan

mereka. Bagi tempoh di antara 81 hingga 120 bulan pula masih ditanggung oleh oleh sembilan orang (14.1 peratus), dan 17 orang (26.6 peratus) masih mempunyai tempoh melebihi 120 bulan untuk menjelaskan hutang mereka. Jadi, majoriti responden (38 orang atau 59.4 peratus) mempunyai tempoh untuk melunaskan pinjaman mereka kurang dari tujuh tahun.

**Jadual 4.25
Tempoh Pembayaran Pinjaman**

N=64

Tempoh	Frekuensi	Peratus
Kurang dari 40 bulan	10	15.6
40 bulan - 80 bulan	28	43.8
81 bulan - 120 bulan	9	14.1
Lebih dari 120 bulan	17	26.6
Jumlah	64	100.0

4.4.8 Cara Pembayaran Pinjaman

Peminjam-peminjam mempunyai dua cara untuk membayar balik pinjaman mereka. Kebanyakan mereka, iaitu seramai 43 orang (67.2 peratus) membayar balik pinjaman melalui potongan pencen bulanan, manakala 21 orang lagi (32.8 peratus) membuat bayaran sendiri terus kepada pihak yang memberi pinjaman.

Jadual 4.26
Cara Pembayaran Pinjaman

N=64

Cara Pembayaran	Frekuensi	Peratus
Potong Pencen	43	67.2
Bayar Sendiri	21	32.8
Jumlah	64	100.0

4.4.9 Bayaran Bulanan Pinjaman

Seramai 38 orang responden (59.4 peratus) membayar kurang dari RM300 sebulan untuk pinjaman perumahan, 21 orang (32.8 peratus) membayar di antara RM 300 hingga RM700, empat orang (6.3 peratus) membayar di antara RM701 hingga RM900, manakala bakinya seorang lagi (1.6 peratus) membayar lebih dari RM900. Ini bermakna, majoriti peminjam membayar kurang dari RM700 sebulan untuk pinjaman perumahan mereka.

Jadual 4.27
Bayaran Bulanan Pinjaman

N=64

Bayaran Bulanan	Frekuensi	Peratus
Kurang dari RM300	38	59.4
RM300 - RM700	21	32.8
RM701 - RM900	4	6.3
Lebih dari RM900	1	1.6
Jumlah	64	100.0

4.4.10 Pemilikan Kenderaan

Kenderaan adalah merupakan satu jenis kemudahan yang perlu dimiliki oleh manusia pada masa sekarang. Dari 200 orang responden yang dikaji, seramai 150 orang (75 peratus) mempunyai kenderaan sendiri, manakala selebihnya seramai 50 orang lagi (25 peratus) tidak memiliki sebarang kenderaan.

Jadual 4.28
Pemilikan Kenderaan

N=200

Kenderaan	Frekuensi	Peratus
Ada	150	75.0
Tiada	50	25.0
Jumlah	200	100.0

4.4.11 Jenis Kenderaan Dimiliki

Jadual 4.29 menunjukkan seramai 99 orang (66 peratus) responden memiliki kereta, 32 orang (21.3 peratus) memiliki motorsikal, dua orang (1.3 peratus) mempunyai lori, dan empat orang (2.7 peratus) mempunyai teksi. Sementara itu, bakinya 13 orang lagi (8.7 peratus) memiliki lain-lain jenis kenderaan seperti basikal dan motorsikal beroda tiga. Jelas di sini menunjukkan bahawa kereta adalah merupakan jenis kenderaan yang paling banyak dimiliki oleh pesara yang dikaji dalam kajian ini.

Jadual 4.29
Jenis Kenderaan Dimiliki

N=150

Jenis Kenderaan	Frekuensi	Peratus
Kereta	99	66.0
Motorsikal	32	21.3
Lori	2	1.3
Teksi	4	2.7
Lain-lain	13	8.7
Jumlah	150	100.0

4.4.12 Cara Kenderaan Diperolehi

Jadual 4.30 menunjukkan majoriti responden memperolehi kenderaan yang dimiliki dengan cara membeli melalui pinjaman, sama ada melalui skim pinjaman kenderaan kerajaan atau pun melalui syarikat-syarikat pinjaman berlesen. Sementara itu seramai 35 orang responden (23.3 peratus) membeli kenderaan mereka secara tunai.

Jadual 4.30
Cara Kenderaan Diperolehi

N=150

Cara Diperolehi	Frekuensi	Peratus
Beli Secara Tunai	35	23.3
Beli Melalui Pinjaman	115	76.7
Jumlah	150	100.0

4.4.13 Pinjaman Kenderaan

Jadual 4.31 menunjukkan seramai 18 orang responden (15.7 peratus) masih menanggung hutang pinjaman kenderaan, manakala majoritinya (97 orang atau 84.3 peratus) sudah melangsaihan hutang mereka.

**Jadual 4.31
Pinjaman Kenderaan**

N=115

Pinjaman	Frekuensi	Peratus
Ada	18	15.7
Tiada	97	84.3
Jumlah	115	100.0

4.4.14 Baki Pinjaman Kenderaan

Jadual 4.32 jelas menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai tanggungan hutang kenderaan lebih dari RM8000, iaitu seramai 16 orang (88.9 peratus) berbanding dua orang (11.1 peratus) yang masih mempunyai hutang kenderaan kurang dari RM8000.

**Jadual 4.32
Baki Pinjaman Kenderaan**

N=18

Baki Pinjaman	Frekuensi	Peratus
Kurang dari RM8000	2	11.1
Lebih dari RM8000	16	88.9
Jumlah	18	100.0

4.4.15 Tempoh Pembayaran Pinjaman Kenderaan

Jadual 4.33 menunjukkan bahawa separuh dari responden yang menanggung pinjaman kenderaan (sembilan orang) masih mempunyai masa di antara satu hingga dua tahun untuk menjelaskan pinjaman mereka, manakala dua orang (11.1 peratus) mempunyai masa kurang dari setahun untuk berbuat demikian. Bakinya, seramai tujuh orang (38.9 peratus) mempunyai tempoh masa lebih dari dua tahun untuk melangsangkan hutang mereka.

Jadual 4.33
Tempoh Bayaran Pinjaman Kenderaan

N=18

Tempoh Bayaran	Frekuensi	Peratus
Kurang dari 12 bulan	2	11.1
12 bulan - 24 bulan	9	50.0
25 bulan - 36 bulan	3	16.7
Lebih dari 36 bulan	4	22.2
Jumlah	18	100.0

4.4.16 Bayaran Bulanan Pinjaman Kenderaan

Majoriti responden (17 orang atau 94.4 peratus) membayar kurang dari RM800 sebulan, manakala hanya seorang sahaja peminjam yang membayar lebih dari RM800 untuk menjelaskan hutang mereka. Ini dapat dilihat dalam Jadual 4.34.

Jadual 4.34
Bayaran Bulanan Pinjaman Kenderaan

N=18

Bayaran Bulanan	Frekuensi	Peratus
Kurang dari RM400	5	27.8
RM400 - RM800	12	66.6
Lebih dari RM800	1	5.6
Jumlah	18	100.0

4.4.17 Pemilikan Perniagaan

Jadual 4.35 menunjukkan 87 peratus responden (174 orang) tidak mempunyai atau melibatkan diri dalam perniagaan, berbanding 26 orang (13 peratus) yang menjalankan perniagaan sebagai usaha untuk menambahkan pendapatan setelah bersara dari alam pekerjaan.

Jadual 4.35
Pemilikan Perniagaan

N=200

Pemilikan Perniagaan	Frekuensi	Peratus
Ada	26	13.0
Tiada	174	87.0
Jumlah	200	100.0

4.4.18 Status Pemilikan Perniagaan

Seramai 17 orang responden (65.4 peratus) mempunyai perniagaan milik mereka sendiri, manakala empat orang lagi (15.4 peratus) memiliki perniagaan secara perkongsian. Dalam pada itu, seramai lima orang (19.2 peratus) meneruskan perniagaan milik keluarga. Ini menunjukkan majoritinya memiliki perniagaan secara persendirian.

Jadual 4.36
Status Pemilikan Perniagaan

N=26

Status Pemilikan	Frekuensi	Peratus
Persendirian	17	65.4
Perkongsian	4	15.4
Milik Keluarga	5	19.2
Jumlah	26	100.0

4.4.19 Jenis Perniagaan

Mengenai jenis perniagaan yang dijalankan, empat orang (15.4 peratus) menjalankan perniagaan kedai makan atau restoran, enam orang atau 23.1 peratus membuka kedai runcit, tujuh orang (26.9 peratus) bermiaga di pasar malam, dan dua orang lagi (7.7 peratus) menjadi pembekal barang-barang. Sementara itu, tujuh orang atau 26.9 peratus menjalankan lain-lain jenis perniagaan, seperti menjadi kontraktor dan sebagainya.

Jadual 4.37
Jenis Perniagaan

N=26

Jenis Perniagaan	Frekuensi	Peratus
Kedai Makan	4	15.4
Kedai Runcit	6	23.1
Pasar Malam	7	26.9
Pembekal	2	7.7
Lain-lain	7	26.9
Jumlah	26	100.0

4.4.20 Modal Memulakan Perniagaan

Untuk menjalankan sesuatu jenis perniagaan, modal adalah penting. Majoriti responden, iaitu 25 orang (96.2 peratus) yang menjalankan perniagaan menggunakan wang simpanan mereka sendiri untuk dijadikan modal, berbanding cuma seorang sahaja (3.8 peratus) membuat pinjaman dari bank untuk memulakan perniagaannya.

Jadual 4.38
Modal Memulakan Perniagaan

N=26

Modal Permulaan	Frekuensi	Peratus
Sendiri	25	96.2
Pinjaman	1	3.8
Jumlah	26	100.0

4.4.21 Pemilikan Harta Lain

Jadual 4.39 menunjukkan jenis harta-harta lain yang dimiliki oleh responden.

Dari jadual itu dapat dilihat hanya 70 orang (35.0 peratus) memiliki tanah, 21 orang (10.5 peratus) memiliki rumah sewa, sembilan orang (4.5 peratus) memiliki saham, empat orang (2.0 peratus) memiliki teksi, dan seorang (0.5 peratus) memiliki permit perniagaan. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden tidak memiliki harta-harta lain seperti yang disenaraikan dalam jadual tersebut.

**Jadual 4.39
Pemilikan Harta Lain**

N=200

Harta Lain	Ada		Tiada		Jumlah	
	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus
Tanah	70	35.0	130	65.0	200	100.0
Rumah Sewa	21	10.5	179	89.5	200	100.0
Saham	9	4.5	191	95.5	200	100.0
Teksi	4	2.0	196	98.0	200	100.0
Permit Niaga	1	0.5	199	99.5	200	100.0

4.4.22 Simpanan/Tabungan

Simpanan atau tabungan adalah penting untuk dijadikan sebagai bekalan di masa berlakunya kesusahan. Menyedari tentang hakikat ini, majoriti responden, iaitu seramai 167 orang (83.5 peratus) mempunyai simpanan atau tabungan, berbanding dengan 33 orang atau 16.5 peratus yang tidak menabung.

Jadual 4.40
Simpanan atau Tabungan

N=200

Simpanan/Tabungan	Frekuensi	Peratus
Ada	167	83.5
Tiada	33	16.5
Jumlah	200.	100.0

4.4.23 Tempat Simpanan/Tabungan

Jadual 4.41 menunjukkan seramai seratus lima belas orang responden (68.9 peratus) daripada 167 orang kesemuanya mempunyai simpanan di dalam bank, 77 orang (46.1 peratus) menabung dalam Tabung Haji, 49 orang ((29.3 peratus) menyimpan dengan cara membeli saham-saham amanah.

Jadual 4.41
Tempat Simpanan/Tabungan

N=167

Tempat Simpanan	Ada		Tiada		Jumlah	
	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus
Bank	115	68.9	52	31.1	167	100.0
Tabung Haji	77	46.1	90	53.9	167	100.0
Saham Amanah	49	29.3	118	70.7	167	100.0
Koperasi	8	4.8	159	95.2	167	100.0
Insuran	21	12.6	146	87.4	167	100.0
Lain-lain	18	10.8	149	89.2	167	100.0

Lapan orang (4.8 peratus) menyimpan dengan koperasi dan seramai 21 orang (12.6 peratus) menyertai pelbagai jenis insuran. Sementara itu, seramai 18 orang (10.8 peratus) menyimpan atau menabung dengan lain-lain cara seperti menyimpan dalam Pejabat Pos.

4.4.24 Tanggungan/Liabiliti

Daripada 200 orang responden yang dikaji, didapati hanya empat orang (dua peratus) yang mempunyai tanggungan atau liabiliti, manakala bakinya 196 orang (98 peratus) tidak menanggung apa-apa liabiliti.

Jadual 4.42
Tanggungan/Liabiliti

N=200

Tanggungan/Liabiliti	Frekuensi	Peratus
Ada	4	2.0
Tiada	196	98.0
Jumlah	200	100.0

4.4.25 Jenis Tanggungan atau Liabiliti

Dua orang atau 50.0 peratus daripada yang mempunyai tanggungan atau liabiliti, masih menanggung hutang pinjaman persendirian (“personal loan”) yang dibuat dengan bank. Sementara itu, dua orang lagi (50.0 peratus) masih terikat dengan pinjaman sewa beli kerana membeli barang-barang kelengkapan rumah.

Jadual 4.43
Jenis Tanggungan/Liabiliti

N=4

Jenis Liabiliti	Frekuensi	Peratus
Pinjaman Persendirian	2	50.0
Pinjaman Sewa Beli	2	50.0
Jumlah	4	100.0

4.5 Kegiatan Waktu Lapang

Setiap manusia mempunyai caranya tersendiri untuk memenuhi masa lapangnya. Pelbagai jenis kegiatan dapat dilakukan untuk memenuhi waktu lapang tersebut.

4.5.1 Penggunaan Waktu Lapang

Seramai 96 orang (48.0 peratus) responden bergiat dalam pelbagai jenis persatuan, seperti Persatuan Bulan Sabit Merah, Persatuan Pengakap, Persatuan Ibu Bapa dan Guru, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan Persatuan Penduduk berbanding 104 orang lagi yang tidak bergiat dalam apa-apa persatuan. Bagi kegiatan sukan pula, hanya 28 orang (14.0 peratus) sahaja yang bergiat cergas dalam sukan-sukan seperti golf, badminton, tenis, marathon dan sukan dalaman (karum, catur dan lain-lain). Sementara itu, kurang dari enam peratus dari responden yang menjalankan kegiatan rekreasi seperti kembara untuk memenuhi waktu lapang mereka. Ini menunjukkan bahawa tidak sampai separuh dari

responden yang dikaji menjalankan kegiatan-kegiatan yang tersebut di atas untuk memenuhi waktu lapang mereka.

Jadual 4.44
Penggunaan Waktu Lapang

N=200

Kegiatan	Ya		Tidak		Jumlah	
	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus
Persatuan	96	48.0	104	52.0	200	100.0
Sukan	28	14.0	172	86.0	200	100.0
Rekreasi	11	5.5	189	94.5	200	100.0

4.5.2 Kegiatan Politik

Jadual 4.45 menunjukkan bahawa tidak sampai 30 peratus (59 orang) responden yang melibatkan diri dalam kegiatan politik daripada 200 orang keseluruhannya yang dikaji dalam kajian ini. Ini menunjukkan bahawa pesarapesara sudah kurang minat untuk menyertai parti politik kerana faktor usia.

Jadual 4.45
Kegiatan Politik

N=200

Bergiatan Dalam Politik	Frekuensi	Peratus
Ya	59	29.5
Tidak	141	70.5
Jumlah	200	100.0

4.5.3 Penglibatan Dalam Politik

Dalam Jadual 4.46 menunjukkan 19 orang responden (32.2 peratus) bergiat cergas dalam politik, sementara 36 orang (61 peratus) lagi bergiat secara biasa. Bakinya, seramai empat orang (6.8 peratus) tidak bergiat secara cergas.

**Jadual 4.46
Penglibatan Dalam Politik**

N=59

Penglibatan Dalam Politik	Frekuensi	Peratus
a. Tahap Penglibatan		
Cergas	19	32.2
Biasa	36	61.0
Tidak Cergas	4	6.8
Jumlah	59	100.0
b. Peringkat Penglibatan		
Cawangan	50	84.7
Bahagian	9	15.3
Jumlah	59	100.0
c. Menjawat Jawatan		
Ya	28	47.5
Tidak	31	52.5
Jumlah	59	100.0

Dilihat dari segi pembahagian peringkat penglibatan pula, majoriti responden, iaitu seramai 50 orang (84.7 peratus) bergiat di peringkat Cawangan. Selebihnya, iaitu seramai sembilan orang lagi (15.3 peratus) bergiat dalam peringkat Bahagian.

Daripada 59 orang yang bergiat dalam politik itu, kita lihat, hanya 28 orang (47.5 peratus) sahaja yang ada menjawat jawatan dalam politik. Ini menunjukkan bahawa, tidak sampai separuh daripada mereka ini yang bergiat secara cergas dan memegang jawatan dalam kegiatan politik.

4.5.4 Jawatan Dalam Politik

Daripada pecahan jawatan yang disandang, didapati majoriti responden (20 orang atau 71.4 peratus) memegang jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa. Yang menjadi Ketua (sama ada di peringkat Bahagian atau Cawangan) adalah seramai lima orang (17.9 peratus), dan yang menjawat jawatan sebagai Timbalan Ketua adalah seramai tiga orang atau 10.7 peratus.

Jadual 4.47
Jawatan Dalam Politik

N=28

Jawatan Disandang	Frekuensi	Peratus
Ketua	5	17.9
Timbalan Ketua	3	10.7
Ahli Jawatankuasa	20	71.4
Jumlah	28	100.0

4.6 Keperluan Yang Diperlukan Semasa Bersara

Dalam memenuhi hidup di alam persaraan, manusia tidak dapat lari dan mengelak dari memenuhi tuntutan-tuntutan hidup seperti makan dan minum, pakaian, dan sebagainya. Dalam pada itu juga, manusia seharusnya dapat menghadapi berbagai masalah dan kesulitan yang mungkin akan dihadapi dalam memenuhi keperluan-keperluan tersebut. Jika segala ini tidak dapat dilakukan, maka kehidupan seseorang itu sudah tidak mendatangkan apa-apa faedah lagi.

4.6.1 Keperluan Fisiologi dan Sosio-budaya Semasa Bersara

Dalam Jadual 4.48 dapat dilihat beberapa keperluan fisiologi dan sosio-budaya yang diperlukan oleh para pesara semasa mereka hidup di alam persaraan. Majoriti responden, iaitu, seramai 130 orang (65 peratus) bersetuju bahawa keperluan santapan adalah penting bagi mereka untuk meneruskan hidup, dan 27 orang (13.5 peratus) sangat bersetuju dengan perkara tersebut. Sungguhpun begitu, terdapat 43 orang (21.5 peratus) responden yang tidak bersetuju sedemikian. Bagi mereka, keperluan santapan bukanlah sesuatu yang tersangat penting. Ini, secara keseluruhannya menunjukkan bahawa keperluan santapan adalah penting untuk manusia meneruskan hidup mereka.

Seramai 134 orang (67 peratus) bersetuju bahawa keperluan pakaian dan persalinan adalah penting, dan 23 orang (11.5 peratus) sangat bersetuju dengan kenyataan ini; manakala seramai 42 orang (21 peratus) tidak bersetuju. Dalam pada itu terdapat seorang (0.5 peratus) responden yang tidak pasti apakah keperluan

ini benar-benar diperlukan atau tidak. Secara umumnya, dapat dikatakan bahawa keperluan ini sama pentingnya dengan keperluan santapan.

Jadual 4.48
Keperluan Fisiologi dan Sosio-budaya Semasa Bersara

N=200

Keperluan Fisiologi dan Sosio-budaya	Sangat Setuju		Setuju		Tidak Pasti		Tidak Setuju		Sangat Tidak Setuju	
	F	%	F	%	F	%	F	%	F	%
Keperluan santapan	27	13.5	130	65.0	0	0	43	21.5	0	0
Keperluan pakaian dan persalinan	23	11.5	134	67.0	1	0.5	42	21.0	0	0
Pergaulan yang baik	41	20.5	157	78.5	0	0	2	1.0	0	0
Keperluan kekeluargaan yang baik untuk menyokong hidup baru	39	19.5	153	76.5	1	0.5	7	3.5	0	0
Perlu melibatkan diri dalam aktiviti kebajikan	13	6.5	89	44.5	72	36.0	26	13.0	0	0
Keperluan rumah kediaman untuk keluarga	50	25.0	146	73.0	2	1.0	2	1.0	0	0

Untuk keperluan pergaulan yang baik, majoriti responden, iaitu, seramai 157 orang (78.5 peratus) bersetuju, 24 orang (12 peratus) sangat bersetuju, manakala dua orang atau satu peratus tidak bersetuju. Jelasnya, keperluan ini juga diperlukan.

Perhubungan kekeluargaan yang baik adalah penting untuk menyokong seseorang pesara untuk membina hidup baru. Ini telah dipersetujui oleh seramai 192 orang responden, di mana 39 orang (19.5 peratus) sangat bersetuju, dan 153 orang lagi (96 peratus) bersetuju dengan kenyataan tersebut. Walau bagaimanapun, tujuh

orang atau 3.5 peratus tidak bersetuju, dan seorang lagi (0.5 peratus) bersikap tidak pasti. Jelasnya di sini, majoriti responden bersetuju bahawa perhubungan keluarga haruslah di dalam keadaan yang baik.

Untuk memenuhi masa lapang yang terluang, seseorang pesara haruslah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kebajikan, seperti menyertai persatuan dan sebagainya. Ini dipersetujui oleh seramai 102 orang responden, di mana 13 orang (6.5 peratus) sangat bersetuju dan 89 orang lagi (44.5 peratus) bersetuju. Walau bagaimanapun, perkara ini dinafikan oleh seramai 26 orang (13 peratus), dan bakinya seramai 72 orang (36 peratus) bersikap berkecuali atau tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa peratus responden yang bersetuju melebihi peratus yang tidak bersetuju dengan perkara ini.

Keperluan rumah kediaman untuk keluarga adalah penting, dan menjadi tanggung jawab ketua keluarga untuk menyediakannya. Seramai 50 orang responden atau 25 peratus sangat bersetuju dan 146 orang (73 peratus) bersetuju dengan kenyataan ini, dan dua orang (satu peratus) tidak bersetuju, manakala dua orang lagi tidak pasti. Jelasnya di sini, majoriti responden mempersetujui akan kepentingan rumah kediaman.

4.6.2 Keperluan Ekonomi Semasa Bersara

Untuk keperluan ekonomi, seperti di Jadual 4.49, seramai 20 orang (10.0 peratus) sangat bersetuju, dan 88 orang responden (44 peratus) bersetuju bahawa mereka perlu menambahkan pendapatan semasa berpencen. Ini tidak dipersetujui oleh seramai 76 orang (38 peratus), manakala 16 orang lagi (lapan peratus) tidak

pasti dengan perkara ini. Ini menunjukkan peratus responden yang bersetuju melebihi peratus yang tidak bersetuju.

Jadual 4.49
Keperluan Ekonomi Semasa Bersara

Keperluan Ekonomi	Sangat Setuju		Setuju		Tidak Pasti		Tidak Setuju		Sangat Tidak Setuju	
	F	%	F	%	F	%	F	%	F	%
Perlu manambahkan pendapatan pencer	20	10.0	88	44.0	16	8.0	76	38.0	0	0
Perlu mencari pekerjaan yang sesuai	16	8.0	85	42.5	17	8.5	82	41.0	0	0
Perlu bergiat dalam pelaburan saham	2	1.0	27	13.6	19	9.5	127	63.5	24	12.1
Kedudukan ekonomi tidak sebaik dahulu	12	6.0	83	41.5	14	7.0	89	44.5	0	0

Seramai 101 orang responden, iaitu, 16 orang (lapan peratus) sangat bersetuju dan 85 orang (42.5 peratus) bersetuju bahawa mereka perlu mencari pekerjaan yang sesuai untuk menambahkan pendapatan semasa berpencen. Tujuh belas orang (8.5 peratus) tidak pasti, manakala 82 orang lagi (41.0 peratus) tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Ini menunjukkan hanya lebih sedikit dari separuh responden yang bersetuju bahawa mereka perlu mencari pekerjaan untuk menambahkan pendapatan.

Hanya dua orang (satu peratus) dari 199 responden sangat bersetuju dan 27 orang lagi (13.6 peratus) bersetuju untuk menambahkan pendapatan dengan bermain saham. Walau bagaimanapun, majoriti responden, iaitu, seramai 127 orang (63.5 peratus) tidak bersetuju dan 24 orang (12.1 peratus) sangat tidak bersetuju dengan

cara tersebut. Selebihnya, seramai 19 orang (9.5 peratus) tidak pasti. Ini menunjukkan tiga per empat responden tidak bersetuju bermain saham boleh menambahkan pendapatan.

Seramai 89 orang responden (44.9 peratus) dari 198 kesemuanya tidak bersetuju bahawa kedudukan ekonomi mereka tidak sebaik seperti mereka masih bekerja dahulu. Empat belas orang (tujuh peratus) tidak pasti, dan seramai 83 orang (41.9 peratus) bersetuju, serta 12 orang (6.1 peratus) sangat bersetuju bahawa mereka menghadapi tekanan ekonomi semasa bersara. Ini menunjukkan peratus responden yang bersetuju adalah melebihi peratus yang tidak bersetuju.

4.6.3 Keperluan Kesihatan Semasa Bersara

Penjagaan kesihatan adalah penting untuk semua orang, tidak kira orang muda atau tua. Dalam Jadual 4.50 menunjukkan, daripada 200 orang responden yang dikaji, 27 orang (13.5 peratus) sangat bersetuju dan 170 orang (85.0 peratus) bersetuju bahawa penjagaan kesihatan itu adalah penting; manakala dua orang atau satu peratus yang tidak pasti, sementara seorang lagi tidak bersetuju. Jelasnya, majoriti responden bersetuju bahawa penjagaan kesihatan itu penting.

Enam puluh lapan orang atau 34.0 peratus bersetuju dan 23 orang atau 11.5 peratus sangat bersetuju bahawa di peringkat usia persaraan sekarang ini, mereka memerlukan rawatan perubatan yang berterusan kerana menghidapi pelbagai jenis penyakit. Seratus dua orang atau 51.0 peratus tidak bersetuju kerana mereka merasakan diri mereka sihat, sementara tujuh orang atau 3.5 peratus merasa tidak pasti apakah mereka perlu mendapatkan rawatan perubatan yang berterusan atau

tidak. Ini menunjukkan lebih separuh dari responden tidak bersetuju mereka perlukan rawatan perubatan yang berterusan.

Jadual 4.50
Keperluan Kesihatan Semasa Bersara

N=200

Keperluan Kesihatan	Sangat Setuju		Setuju		Tidak Pasti		Tidak Setuju		Sangat Tidak Setuju	
	F	%	F	%	F	%	F	%	F	%
Penjagaan kesihatan sangat penting	27	13.5	170	85.0	2	1.0	1	0.5	0	0
Perlukan rawatan kesihatan berterusan	23	11.5	68	34.0	7	3.5	102	51.0	0	0
Selalu berulang-alik ke hospital	5	2.5	61	30.5	19	9.5	113	56.5	2	1.0
Perlukan kemudahan tempat rekreasi	6	3.0	97	48.5	53	26.5	44	22.0	0	0
Perlu bersenam untuk menjaga kesihatan	7	3.5	122	61.0	31	15.5	40	20.0	0	0

Enam puluh satu orang responden (30.5 peratus) bersetuju bahawa mereka selalu berulang-alik ke hospital atau klinik kerajaan untuk mendapatkan rawatan, dan seramai lima orang (2.5 peratus) lagi sangat bersetuju dengan perkara ini. Dalam pada itu, terdapat seramai 113 orang (56.5 peratus) yang tidak bersetuju dan dua orang atau satu peratus yang sangat tidak bersetuju dengan perkara tersebut, sementara 19 orang lagi (9.5 peratus) tidak pasti apakah mereka perlu selalu berulang-alik ke hospital atau klinik kerajaan untuk mendapatkan rawatan

perubatan. Ini jelasnya menunjukkan lebih separuh responden tidak bersetuju mereka sering berulang-alik ke hospital untuk mendapatkan rawatan.

Seramai 97 orang (48.5 peratus) bersetuju dan enam orang atau tiga peratus sangat bersetuju bahawa mereka memerlukan tempat rekreasi. Pendapat ini ditentang oleh seramai 44 orang (22.0 peratus) manakala 53 orang lagi (26.5 peratus) tidak pasti. Ini menunjukkan peratusan mereka yang bersetuju adalah melebihi peratusan yang tidak bersetuju.

Seterusnya, tujuh orang responden (3.5 peratus) sangat bersetuju bahawa mereka perlu bersenam untuk menjaga kesihatan. Ini disokong oleh seramai 122 orang responden (61 peratus). Walau bagaimanapun, seramai 40 orang responden (20.0 peratus) tidak bersetuju, manakala yang tidak pasti ialah seramai 31 orang atau 15.5 peratus. Jelasnya, lebih dari separuh responden bersetuju akan kepentingan senaman.

4.7 Masalah/Kesulitan Dalam Memenuhi Keperluan Semasa Bersara

Dalam memenuhi keperluan fisiologi dan sosio-budaya, keperluan ekonomi, dan keperluan kesihatan, seseorang pesara berkemungkinan besar akan menghadapi masalah atau kesulitan. Oleh itu berbagai cara dan jalan perlu dicari agar masalah atau kesulitan yang dihadapi itu dapat diatasi.

4.7.1 Masalah/Kesulitan Dalam Memenuhi Keperluan Fisiologi dan Sosio-budaya

Jadual 4.51 menunjukkan seramai sembilan orang responden (4.5 peratus) bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah dalam memenuhi keperluan asas

seperti makan, minum, dan pakaian. Namun begitu 172 orang (86.0 peratus) tidak bersetuju, dan 15 orang (7.5 peratus) sangat tidak bersetuju bahawa mereka mengalami masalah, manakala empat orang lagi atau dua peratus tidak pasti. Ini menunjukkan majoriti responden tidak bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah untuk memenuhi keperluan asas.

Seratus enam puluh dua orang responden (81.0 peratus) yang dikaji tidak bersetuju, dan 16 orang atau lapan peratus sangat tidak bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah dalam perhubungan keluarga. Hanya sedikit sahaja bilangan responden yang menghadapi masalah ini, iaitu seramai 14 orang atau tujuh peratus, manakala lapan orang lagi (empat peratus) tidak pasti apakah mereka terbabit dalam masalah sebegini. Jelasnya, majoriti responden tidak bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah dalam perhubungan keluarga.

Empat orang dari responden yang dikaji (dua peratus) menghadapi masalah dengan jiran, 176 orang (88.0 peratus) tidak setuju, 12 orang (6.0 peratus) sangat tidak setuju, dan lapan orang (4.0 peratus) tidak pasti. Ini menunjukkan majoriti responden tidak setuju yang mereka menghadapi masalah dengan jiran.

Seramai empat orang responden (2.0 peratus) menghadapi masalah dengan masyarakat setempat, manakala seramai 188 orang (96.0 peratus) tidak menghadapi sebarang masalah. Cuma terdapat lapan orang responden (empat peratus) yang tidak pasti dengan perhubungan mereka. Ini menunjukkan majoriti responden tidak menghadapi masalah perhubungan dengan masyarakat setempat.

Jadual 4.51
Masalah/Kesulitan Untuk Memenuhi Keperluan Fisiologi dan Sosio-budaya

N=200

Masalah Keperluan Fisiologi dan Sosio-budaya	Sangat Setuju		Setuju		Tidak Pasti		Tidak Setuju		Sangat Tidak Setuju	
	F	%	F	%	F	%	F	%	F	%
Masalah dalam memenuhi keperluan asas	0	0	9	4.5	4	2.0	172	86.0	15	7.5
Masalah dalam perhubungan keluarga	0	0	14	7.0	8	4.0	162	81.0	16	8.0
Masalah perhubungan dengan jiran	0	0	4	2.0	8	4.0	176	88.0	12	6.0
Masalah perhubungan dengan masyarakat	0	0	4	2.0	8	4.0	172	86.0	16	8.0
Suka hidup bersendirian	2	1.0	3	1.5	13	6.5	130	65.0	52	26.0
Masalah memenuhi keperluan kebajikan	0	0	8	4.0	10	5.0	177	88.5	5	2.5
Pentingnya perancangan awal sebelum bersara	23	11.5	159	79.5	15	7.5	2	1.0	1	0.5
Masyarakat memandang warga tua serba kekurangan	2	1.0	38	19.0	66	33.0	94	47.0	0	0

Mengenai cara hidup menyendiri pula, seramai 130 orang (65.0 peratus) tidak bersetuju dan 52 orang atau 26.0 peratus sangat tidak bersetuju dengan cara ini. Hanya terdapat lima orang atau 2.5 peratus yang bersetuju dan 13 orang lagi (6.5 peratus) tidak pasti. Ini menunjukkan majoriti responden tidak bersetuju yang mereka suka hidup menyendiri.

Dalam memenuhi keperluan kebajikan, hanya lapan orang atau empat peratus responden sahaja yang bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah. Majoriti responden, iaitu, seramai 177 orang (88.5 peratus) tidak bersetuju dan lima orang lagi (2.5 peratus) sangat tidak bersetuju. Dalam pada itu, terdapat sepuluh orang yang tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden tidak menghadapi masalah untuk memenuhi keperluan kebajikan mereka.

Perancangan awal sebelum bersara adalah penting dilakukan oleh semua bakal pesara. Dua puluh tiga orang responden (11.5 peratus) sangat bersetuju, dan 159 orang lagi (79.5 peratus) bersetuju dengan kenyataan ini. Walau bagaimanapun, terdapat tiga orang yang tidak bersetuju dan 15 orang tidak pasti. Ini menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa perancangan awal sebelum bersara perlu dilakukan untuk memastikan arah tujuan hidup semasa bersara.

Seramai 40 orang responden bersetuju (dua orang atau satu peratus sangat bersetuju dan 38 orang atau 19.0 peratus bersetuju) bahawa masyarakat sekeliling memandang warga tua sebagai warga yang serba kekurangan. Walau bagaimanapun, seramai 94 orang responden (47.0 peratus) tidak bersetuju dengan pandangan itu, manakala 66 orang (33.0 peratus) tidak pasti. Ini menunjukkan hampir separuh daripada responden berpendapat bahawa warga tua bukanlah merupakan satu golongan yang serba kekurangan dalam semua segi, kerana mereka juga dapat memberikan sumbangan kepada bangsa dan negara.

4.7.2 Masalah/Kesulitan Dalam Memenuhi Keperluan Ekonomi

Keperluan ekonomi adalah salah satu keperluan yang penting untuk dipenuhi. Namun begitu, ramai yang dikatakan menghadapi masalah dan kesulitan dalam memenuhi keperluan tersebut. Jadual 4.52 menunjukkan lima puluh sembilan orang (satu orang sangat bersetuju dan 58 orang atau 29.0 peratus bersetuju) dari 200 orang yang dikaji bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah dan kesulitan kerana pendapatan pencen mereka tidak mencukupi. Sungguhpun begitu, seratus dua puluh sembilan orang atau 64.5 peratus tidak bersetuju, dan seramai 12 orang lagi (enam peratus) tidak pasti dengan perkara ini. Ini menunjukkan lebih ramai responden yang tidak bersetuju bahawa pendapatan pencen mereka tidak mencukupi.

Lapan orang responden (empat peratus) sangat bersetuju dan 73 orang (36.5 peratus) bersetuju bahawa mereka terpaksa bekerja semula untuk menambahkan pendapatan. Walau bagaimanapun, seramai 101 orang responden (50.5 peratus) menyangkal pendapat ini, manakala 18 orang lagi (sembilan peratus) tidak pasti apakah mereka perlu bekerja semula untuk menambahkan pendapatan. Ini menunjukkan lebih separuh daripada responden tidak bersetuju yang mereka terpaksa bekerja semula untuk menambahkan pendapatan.

Untuk bekerja semula, mereka seharusnya memilih pekerjaan yang bersesuaian dengan kebolehan dan pengalaman yang ada pada mereka. Seramai 48 orang responden (24.0 peratus) mengatakan bahawa mereka menghadapi masalah untuk memilih pekerjaan, manakala seramai 110 orang (55.0 peratus) tidak bersetuju. Seramai 42 orang lagi (21.0 peratus) tidak pasti dengan perkara ini,

Jadual 4.52
Masalah/Kesulitan Untuk Memenuhi Keperluan Ekonomi

N=200

Masalah Keperluan Ekonomi	Sangat Setuju		Setuju		Tidak Pasti		Tidak Setuju		Sangat Tidak Setuju	
	F	%	F	%	F	%	F	%	F	%
Pendapatan penceh tidak mencukupi	1	0.5	58	29.0	12	6.0	129	64.5	0	0
Terpaksa bekerja semula untuk menambah pendapatan	8	4.0	73	36.5	18	9.0	100	50.0	1	0.5
Masalah memilih pekerjaan yang sesuai	0	0	48	24.0	42	21.0	110	55.0	0	0
Masyarakat memandang pesara kerajaan tidak memberikan sumbangan yang produktif	3	1.5	43	21.5	53	26.5	97	48.5	4	2.0

kerana mereka tidak pernah mencari pekerjaan semasa bersara. Ini menunjukkan majoriti responden tidak bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah untuk mencari pekerjaan yang sesuai.

Seramai 101 orang responden, iaitu, 97 orang atau 48.5 peratus tidak bersetuju dan empat orang atau dua peratus sangat tidak bersetuju bahawa pesara kerajaan dipandang sebagai golongan yang tidak memberikan sumbangan yang produktif terhadap pembangunan negara. Empat puluh enam orang (23.0 peratus) bersetuju, dan bakinya 53 orang atau 26.5 peratus tidak pasti dengan pandangan ini.

Ini menunjukkan bahawa majoriti responden tidak bersetuju masyarakat memandang pesara kerajaan tidak memberikan sumbangan yang produktif.

4.7.3 Masalah/Kesulitan Dalam Memenuhi Keperluan Kesihatan

Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, kesihatan adalah sangat penting bagi semua orang. Tanpa kesihatan yang baik, hidup seseorang itu tidak bermakna walaupun mempunyai harta dan wang ringgit yang banyak.

Dalam Jadual 4.53, didapati seramai 78 orang responden (39.0 peratus) bersetuju dan sangat bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah kesihatan yang kurang baik. Walaupun begitu, terdapat seramai 114 orang (57.0 peratus) tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju, dan lapan orang atau empat peratus tidak pasti tentang tahap kesihatan mereka. Ini menunjukkan lebih dari separuh responden tidak bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah kesihatan yang kurang baik.

Tiga orang responden sangat bersetuju dan empat orang lagi (dua peratus) bersetuju bahawa mereka menghadapi kesukaran untuk mendapatkan bantuan perubatan, sementara 173 orang (86.5 peratus) lagi tidak bersetuju. Dalam pada itu, seramai 20 orang atau sepuluh peratus tidak pasti tentang kesukaran untuk mendapatkan bantuan perubatan. Jelasnya di sini, majoriti responden tidak bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah untuk mendapatkan bantuan perubatan.

Jadual 4.53
Masalah/Kesulitan Untuk Memenuhi Keperluan Kesihatan

N=200

Masalah Keperluan Kesihatan	Sangat Setuju		Setuju		Tidak Pasti		Tidak Setuju		Sangat Tidak Setuju	
	F	%	F	%	F	%	F	%	F	%
Masalah kesihatan tidak baik	1	0.5	77	38.5	8	4.0	113	56.5	1	0.5
Masalah mendapatkan bantuan perubatan	3	1.5	4	2.0	20	10.0	173	86.5	0	0
Masalah kewangan untuk membeli ubat	2	1.0	68	34.0	8	4.0	122	61.0	0	0
Layanan tidak baik dari hospital atau klinik kerajaan	1	0.5	9	4.5	11	5.5	175	87.5	4	2.0
Masalah mendapatkan khidmat nasihat tentang "diet"	0	0	11	5.5	46	23.0	143	71.5	0	0
Merasa perubahan psikologikal lebih dari fizikal semasa bersara	2	1.0	105	52.5	42	21.0	51	25.5	0	0
Merasa tekanan fizikal dan psikologikal semasa bersara	0	0	68	34.0	29	14.5	103	51.5	0	0

Setengah-setengah jenis ubat yang perlu diambil oleh pesara tidak terdapat di hospital-hospital atau di klinik-klinik kerajaan. Oleh itu, mereka terpaksa membelinya sendiri di farmasi dengan harga yang agak mahal, dan ini agak menyukarkan. Seramai 70 orang (35.0 peratus) bersetuju dengan perkara ini. Seratus dua puluh dua orang lagi (61.0 peratus) tidak bersetuju kerana

berkemungkinan mereka mempunyai pendapatan yang tinggi, manakala lapan orang yang lain tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa lebih separuh responden tidak menghadapi masalah kewangan untuk membeli ubat.

Tidak dapat dinafikan terdapatnya kes-kes di mana kakitangan hospital atau klinik kerajaan memberikan layanan yang kurang memuaskan. Namun begitu, majoriti responden tidak bersetuju. Jadual 4.53 menunjukkan seramai 179 orang atau 89.5 peratus tidak bersetuju mereka pernah diberikan layanan yang buruk semasa berurusan dengan hospital atau klinik kerajaan. Hanya terdapat seramai sepuluh orang responden (lima peratus) yang pernah mengalami perkara ini, dan sebelas orang lagi tidak pasti.

Kebanyakan responden (143 orang atau 71.5 peratus) juga tidak bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah untuk mendapatkan khidmat nasihat tentang “diet”. Walau bagaimanapun terdapat seramai 46 orang responden (23.0 peratus) yang tidak pasti mengenai masalah ini, dan sebelas orang (5.5 peratus) bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah tersebut. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden tidak bersetuju yang mereka menghadapi masalah untuk mendapatkan khidmat nasihat tentang “diet”.

Untuk meninggalkan alam pekerjaan adalah merupakan sesuatu yang agak sukar dilakukan oleh sebahagian pesara. Seramai 107 orang responden, iaitu dua orang (1.0 peratus) sangat bersetuju dan 105 orang (52.5 peratus) bersetuju bahawa mereka merasakan perubahan psikologikal lebih dari perubahan fizikal semasa mula-mula bersara dahulu. Lima puluh satu orang (25.5 peratus) tidak bersetuju,

manakala 42 orang lagi (21.0 peratus) tidak pasti. Ini menunjukkan lebih separuh responden menghadapi masalah ini.

Mengenai tekanan fizikal dan psikologikal pula, seramai 103 orang responden (51.5 peratus) tidak bersetuju yang mereka menghadapi tekanan tersebut secara serentak semasa bersara. Dalam pada itu, seramai 68 orang (34.0 peratus) merasakan mereka menghadapi tekanan tersebut. Ini menunjukkan lebih separuh responden tidak bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah ini.

4.8 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Perancangan Awal Sebelum Bersara Dalam Memenuhi Keperluan Di Alam Persaraan

Perancangan awal sebelum bersara adalah merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi para pesara dalam memenuhi keperluan yang diperlukan oleh mereka semasa berada di alam persaraan. Untuk tujuan penganalisisan, enam angkubah bebas digunakan, iaitu, umur, jantina, bangsa, agama, pendapatan pencen, dan status perumahan.

Jadual 4.54 menunjukkan bahawa kesemua angkubah bebas (umur, jantina, bangsa, agama, pendapatan, dan status perumahan) tidak mempunyai perhubungan yang signifikan pada tahap 0.05 dengan perancangan awal sebelum bersara. Ini bererti bahawa hipotesis kajian yang mengatakan terdapat perhubungan di antara angkubah bebas dengan perancangan awal sebelum bersara dalam memenuhi keperluan-keperluan yang diperlukan adalah ditolak.

Jadual 4.54
**Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Perancangan Awal Sebelum Bersara
Dalam Memenuhi Keperluan Di Alam Persaraan**

Angkubah	Nilai Khi-kuasa dua	Darjah Kebebasan	Paras Keertian	Perhubungan pada tahap 0.05
Umur	2.26	1	0.133	Tidak Signifikan
Jantina	3.49	1	0.062	Tidak Signifikan
Bangsa	0.83	1	0.361	Tidak Signifikan
Agama	0.84	1	0.361	Tidak Signifikan
Pendapatan	1.96	1	0.162	Tidak Signifikan
Status Perumahan	0.37	1	0.542	Tidak Signifikan

4.9 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Bantuan Kerajaan Dalam Memenuhi Keperluan Di Alam Persaraan

Peranan Agensi Kerajaan adalah penting dalam membantu pesara dalam memenuhi keperluan yang diperlukan oleh mereka di alam persaraan. Jadual 4.55 menunjukkan keputusan hanya angkubah umur sahaja yang mempunyai perhubungan yang signifikan pada tahap 0.05 dengan bantuan kerajaan pada paras keertian 0.005.

Ini bererti bahawa hipotesis kajian yang diterima ialah terdapatnya perhubungan di antara umur dengan bantuan kerajaan dalam memenuhi keperluan-keperluan yang diperlukan di alam persaraan. Kesimpulannya ialah, umur adalah merupakan faktor yang mempengaruhi sikap dan tingkah laku pesara untuk mendapatkan bantuan kerajaan dalam memenuhi keperluan-keperluan yang diperlukan.

Jadual 4.55
Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Bantuan Kerajaan
Dalam Memenuhi Keperluan Di Alam Persaraan

Angkubah	Nilai khi-kuasa dua	Darjah Kebebasan	Paras Keertian	Perhubungan pada tahap 0.05
Umur	7.92	1	0.005	Signifikan
Jantina	0.72	1	0.396	Tidak Signifikan
Bangsa	0.00	1	0.981	Tidak Signifikan
Agama	0.00	1	0.981	Tidak Signifikan
Pendapatan	0.65	1	0.419	Tidak Signifikan
Status Perumahan	0.33	1	0.565	Tidak Signifikan

4.9.1 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Umur) Dengan Bantuan Kerajaan

Dalam Jadual 4.56 menunjukkan kesemua empat orang responden yang bersetuju bahawa mereka memerlukan bantuan kerajaan dalam memenuhi keperluan-keperluan yang diperlukan di alam persaraan adalah berumur lebih dari 60 tahun. Sementara itu, seramai 196 orang responden tidak bersetuju, di mana 132 orang (67.3 peratus) berumur kurang dari 60 tahun. Bakinya, 64 orang (32.7 peratus) adalah berumur lebih dari 60 tahun. Ini menunjukkan wujud perhubungan di antara umur dengan bantuan kerajaan dalam memenuhi keperluan-keperluan yang diperlukan di alam persaraan, di mana kesemua responden berumur lebih 60 tahun bersetuju, dan majoriti responden yang berumur kurang dari 60 tahun tidak bersetuju.

Jadual 4.56
Perhubungan Di Antara Umur Dengan Bantuan Kerajaan

N=200

Umur	Setuju	Tidak Setuju
Kurang dari 60 tahun	-	132 (67.3)
Lebih dari 60 tahun	4 (100)	64 (32.7)

4.10 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Keperluan Fisiologi dan Sosio-budaya (Santapan)

Keperluan santapan adalah merupakan satu keperluan asas yang diperlukan oleh semua orang. Dalam Jadual 4.57 dapat dilihat perhubungan di antara enam angkubah bebas, iaitu umur, jantina, bangsa, agama, pendapatan, dan status perumahan dengan keperluan santapan. Dalam jadual itu juga dapat dilihat bahawa angkubah umur, jantina, bangsa, dan agama mempunyai perhubungan yang signifikan pada tahap 0.05 dengan keperluan santapan. Paras keertiannya ialah 0.002, 0.028, 0.000, dan 0.000 masing-masingnya. Nilai khi-kuasa dua ialah 9.27, 4.81, 17.54, dan 17.54 masing-masing.

Ini bererti bahawa hipotesis kajian yang diterima ialah:

- (i) Terdapat perhubungan di antara umur dengan keperluan santapan.
- (ii) Terdapat perhubungan di antara jantina dengan keperluan santapan.
- (iii) Terdapat perhubungan di antara bangsa dengan keperluan santapan.
- (iv) Terdapat perhubungan di antara agama dengan keperluan santapan.

Jadual 4.57

Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Keperluan Santapan

Angkubah	Nilai kh - kuasa dua	Darjah Kebebasan	Paras Keertian	Perhubungan pada tahap 0.05
Umur	9.27	1	0.002	Signifikan
Jantina	4.81	1	0.028	Signifikan
Bangsa	17.54	1	0.000	Signifikan
Agama	17.54	1	0.000	Signifikan
Pendapatan	0.20	1	0.656	Tidak Signifikan
Status Perumahan	0.64	1	0.423	Tidak Signifikan

Kesimpulannya ialah, umur, jantina, bangsa, dan agama, adalah merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap dan tingkah laku pesara dalam memenuhi keperluan santapan.

4.10.1 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Umur) Dengan Keperluan Santapan

Jadual 4.58 menunjukkan seramai 157 responden bersetuju, dan 43 responden tidak bersetuju bahawa keperluan santapan itu sangat penting. Bagi responden yang bersetuju, 112 orang (71.3 peratus) adalah berumur kurang dari 60 tahun, manakala 45 orang lagi (28.7 peratus) berumur lebih dari 60 tahun. Bagi responden yang tidak bersetuju, 20 orang (46.5 peratus) berumur kurang dari 60 tahun, dan selebihnya 23 orang (53.5 peratus) berumur lebih dari 60 tahun. Oleh itu, jadual tersebut menunjukkan bahawa wujud perhubungan di antara umur dengan

keperluan santapan, di mana majoriti responden berumur kurang dari 60 tahun bersetuju, dan majoriti responden berumur lebih dari 60 tahun tidak bersetuju.

Jadual 4.58
Perhubungan Di Antara Umur Dengan Keperluan Santapan

N=200

Umur	Setuju	Tidak Setuju
Kurang dari 60 tahun	112 (71.3)	20 (46.5)
Lebih dari 60 tahun	45 (28.7)	23 (53.5)

4.10.2 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Jantina) Dengan Keperluan Santapan

Melihat kepada perhubungan di antara jantina dengan keperluan santapan (Jadual 4.59), seramai 170 responden adalah laki-laki, dan 30 responden adalah perempuan. Seramai 138 responden laki-laki (81.2 peratus) bersetuju dengan kepentingan keperluan santapan, dan bakinya 32 orang (18.8 peratus) tidak bersetuju.

Jadual 4.59
Perhubungan Di Antara Jantina Dengan Keperluan Santapan

N=200

Jantina	Setuju	Tidak Setuju
Laki-laki	138 (81.2)	32 (18.8)
Perempuan	19 (63.3)	11 (36.7)

Bagi responden perempuan pula, 19 orang (63.3 peratus) bersetuju, dan 11 orang lagi (36.7 peratus) tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa keperluan santapan itu adalah penting.

4.10.3 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Bangsa) Dengan Keperluan Santapan

Jadual 4.60 menunjukkan perhubungan di antara bangsa dengan keperluan santapan. Seramai 129 responden Melayu (85.4 peratus) bersetuju, dan 22 orang lagi (14.6 peratus) tidak bersetuju.

Jadual 4.60
Perhubungan Di Antara Bangsa Dengan Keperluan Santapan

N=200

Bangsa	Setuju	Tidak Setuju
Melayu	129 (85.4)	22 (14.6)
Bukan Melayu	28 (57.1)	21 (42.9)

Bukan Melayu termasuk bangsa Cina, India, dan lain-lain bangsa

Sementara itu, bagi responden bukan Melayu, 28 orang (57.1 peratus) bersetuju, dan bakinya 21 orang lagi (42.9 peratus) tidak bersetuju. Ini bererti, majoriti responden berbangsa Melayu dan bukan Melayu bersetuju bahawa keperluan santapan itu adalah penting.

4.10.4 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Agama) Dengan Keperluan Santapan

Jadual 4.61 mempamerkan 151 orang responden adalah beragama Islam, di mana 129 orang (85.4 peratus) bersetuju dengan kepentingan keperluan santapan, dan bakinya 22 orang (14.6 peratus) tidak bersetuju. Bagi 49 orang responden yang bukan beragama Islam pula, 28 orang (57.1 peratus) daripadanya bersetuju, dan selebihnya 21 orang (42.9 peratus) tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju dengan kepentingan keperluan santapan.

Jadual 4.61
Perhubungan Di Antara Agama Dengan Keperluan Santapan

N=200

Agama	Setuju	Tidak Setuju
Islam	129 (85.4)	22 (14.6)
Bukan Islam	28 (57.1)	21 (42.9)

Bukan Islam termasuk agama Buddha, Hindu, dan Kristian

4.11 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Keperluan Fisiologi dan Sosio-budaya (Pakaian)

Pakaian adalah merupakan satu lagi keperluan asas yang penting untuk semua orang. Jadual 4.62 menunjukkan perhubungan di antara angkubah bebas yang terdiri dari umur, jantina, bangsa, agama, pendapatan dan status perumahan dengan keperluan pakaian.

Dari jadual tersebut dapat dilihat bahawa hanya angkubah umur, jantina, bangsa, dan agama mempunyai perhubungan yang signifikan dengan keperluan pakaian pada tahap 0.05, dan pada paras keertian 0.020, 0.002, 0.001, dan 0.001 masing-masingnya.

Ini bererti bahawa hipotesis kajian yang diterima ialah:

- (i) Terdapat perhubungan di antara umur dengan keperluan pakaian.
- (ii) Terdapat perhubungan di antara jantina dengan keperluan pakaian.
- (iii) Terdapat perhubungan di antara bangsa dengan keperluan pakaian.
- (iv) Terdapat perhubungan di antara agama dengan keperluan pakaian.

Jadual 4.62

Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Keperluan Pakaian

Angkubah	Nilai khi-kuasa dua	Darjah Kebebasan	Paras Keertian	Perhubungan pada tahap 0.05
Umur	5.37	1	0.020	Signifikan
Jantina	9.97	1	0.002	Signifikan
Bangsa	11.48	1	0.001	Signifikan
Agama	11.48	1	0.001	Signifikan
Pendapatan	0.20	1	0.656	Tidak Signifikan
Status Perumahan	0.64	1	0.423	Tidak Signifikan

Kesimpulannya ialah, umur, jantina, bangsa, dan agama adalah merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap dan tingkah laku pesara dalam memenuhi keperluan pakaian.

4.11.1 Perhubungan Di Antara Angkubah bebas (Umur) Dengan Keperluan Pakaian

Perhubungan di antara umur dengan keperluan pakaian ditunjukkan dalam Jadual 4.63. Daripada 132 responden yang berumur kurang dari 60 tahun, 110 orang

(83.3 peratus) daripadanya bersetuju, manakala 22 orang lagi (16.7 peratus) tidak bersetuju. Sementara itu, daripada 68 responden yang berumur lebih dari 60 tahun, 47 orang (69.1 peratus) daripadanya bersetuju, dan 21 orang lagi (30.9 peratus) tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju dengan kepentingan keperluan pakaian.

Jadual 4.63
Perhubungan Di Antara Umur Dengan Keperluan Pakaian

N=200

Umur	Setuju	Tidak Setuju
Kurang dari 60 tahun	110 (83.3)	22 (16.7)
Lebih dari 60 tahun	47 (69.1)	21 (30.9)

4.11.2 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Jantina) Dengan Keperluan Pakaian

Jadual 4.64 menunjukkan perhubungan di antara jantina dengan keperluan pakaian. Seramai 140 responden laki-laki (82.4 peratus) bersetuju dengan keperluan pakaian, manakala 30 orang lagi (17.6 peratus) tidak bersetuju.

Jadual 4.64
Perhubungan Di Antara Jantina Dengan Keperluan Pakaian

N=200

Jantina	Setuju	Tidak Setuju
Laki-laki	140 (82.4)	30 (17.6)
Perempuan	17 (56.7)	13 (43.3)

Bagi responden perempuan pula, seramai 17 orang (56.7 peratus) bersetuju, dan bakinya 13 orang (43.3 peratus) tidak bersetuju. Ini menunjukkan majoriti responden yang dikaji bersetuju bahawa keperluan pakaian itu adalah penting.

4.11.3 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Bangsa) Dengan Keperluan Pakaian

Dalam Jadual 4.65 ditunjukkan perhubungan di antara bangsa dengan keperluan pakaian, di mana 151 responden adalah berbangsa Melayu, dan 49 responden berbangsa bukan Melayu. Bagi responden Melayu, 127 orang (84.1 peratus) bersetuju, dan 24 orang lagi (15.9 peratus) tidak bersetuju. Bagi responden bukan Melayu pula, 30 orang (61.2 peratus) bersetuju, dan bakinya 19 orang (38.8 peratus) tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden bersetuju yang keperluan pakaian itu penting.

Jadual 4.65
Perhubungan Di Antara Bangsa Dengan Keperluan Pakaian

N=200

Bangsa	Setuju	Tidak Setuju
Melayu	127 (84.1)	24 (15.9)
Bukan Melayu	30 (61.2)	19 (38.8)

4.11.4 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Agama) Dengan Keperluan Pakaian

Jadual di bawah menunjukkan perhubungan di antara agama dengan keperluan pakaian. Seramai 127 responden (84.1 peratus) beragama Islam bersetuju

bahawa keperluan pakaian itu penting, manakala 24 orang lagi (15.9 peratus) tidak bersetuju. Bagi 49 responden bukan Islam, 30 orang (61.2 peratus) daripadanya bersetuju, dan 19 orang lagi (38.8 peratus) tidak bersetuju. Ini bermakna, majoriti responden bersetuju dengan kepentingan keperluan pakaian.

Jadual 4.66
Perhubungan Di Antara Agama Dengan Keperluan Pakaian

N=200

Agama	Setuju	Tidak Setuju
Islam	127 (84.1)	24 (15.9)
Bukan Islam	30 (61.2)	19 (38.8)

4.12 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Keperluan Fisiologi dan Sosio-budaya (Pergaulan Yang Baik)

Pada dasarnya, manusia tidak boleh hidup bersendirian. Oleh itu, mereka perlu bergaul di antara satu sama lain, tidak kira bersama saudara mara atau rakan dan teman.

Jadual 4.67 menunjukkan perhubungan di antara angkubah bebas dengan keperluan pergaulan yang baik. Namun dalam jadual itu didapati tiada satupun angkubah bebas yang mempunyai perhubungan yang signifikan pada tahap 0.05 dengan keperluan pergaulan yang baik. Ini bererti hipotesis kajian yang mengatakan ada perhubungan di antara angkubah bebas dengan keperluan mengadakan pergaulan yang baik adalah ditolak,

Jadual 4.67
Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Keperluan Pergaulan Yang Baik

Angkubah	Nilai kхи-kuasa dua	Darjah Kebebasan	Paras Keertian	Perhubungan pada tahap 0.05
Umur	1.04	1	0.308	Tidak Signifikan
Jantina	0.36	1	0.551	Tidak Signifikan
Bangsa	0.71	1	0.399	Tidak Signifikan
Agama	0.71	1	0.399	Tidak Signifikan
Pendapatan	0.28	1	0.600	Tidak Signifikan
Status Perumahan	0.16	1	0.686	Tidak Signifikan

4.13 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Keperluan Fisiologi dan Sosio-budaya (Perhubungan Keluarga Yang Baik)

Perhubungan yang baik di dalam keluarga adalah suatu perkara yang dituntut. Jika perhubungan keluarga tidak baik, banyak masalah mungkin timbul. Oleh itu perhubungan kekeluargaan yang baik adalah penting dalam kehidupan masyarakat kita. Jadual 4.68 menunjukkan perhubungan di antara angkubah bebas dengan perhubungan kekeluargaan yang baik.

Dalam jadual itu ditunjukkan hanya angkubah umur mempunyai perhubungan yang signifikan pada tahap 0.05, dan pada paras keertian 0.001. Nilai kхи-kuasa dua ialah 10.63. Ini bererti bahawa hipotesis kajian yang diterima ialah terdapat perhubungan di antara umur dengan keperluan perhubungan keluarga yang baik. Kesimpulannya ialah,

umur adalah merupakan faktor yang mempengaruhi sikap dan tingkah laku pesara dalam memenuhi keperluan perhubungan keluarga yang baik.

Jadual 4.68

Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Perhubungan Keluarga Yang Baik

Angkubah	Nilai khi-kuasa dua	Darjah Kebebasan	Paras Keertian	Perhubungan pada tahap 0.05
Umur	10.63	1	0.001	Signifikan
Jantina	1.47	1	0.225	Tidak Signifikan
Bangsa	0.16	1	0.685	Tidak Signifikan
Agama	0.16	1	0.685	Tidak Signifikan
Pendapatan	1.43	1	0.231	Tidak Signifikan
Status Perumahan	0.12	1	0.731	Tidak Signifikan

4.13.1 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Umur) Dengan Perhubungan Keluarga Yang Baik

Dalam Jadual 4.69 ditunjukkan perhubungan di antara umur dengan perhubungan kekeluargaan yang baik, di mana responden yang bersetuju adalah seramai 192 orang, dan yang tidak bersetuju seramai lapan orang. Bagi mereka yang bersetuju, 131 orang (68.2 peratus) berumur kurang dari 60 tahun, dan 61 orang lagi (31.8 peratus) berumur lebih dari 60 tahun. Bagi responden yang tidak bersetuju pula, seorang (12.5 peratus) berumur kurang dari 60 tahun, dan selebihnya, tujuh lagi (87.5 peratus) berumur lebih dari 60 tahun. Ini menunjukkan bahawa wujud perhubungan di antara umur dengan perhubungan kekeluargaan yang baik,

mana majoriti responden yang bersetuju berumur kurang dari 60 tahun, dan majoriti yang tidak bersetuju berumur lebih dari 60 tahun.

Jadual 4.69
Perhubungan Di Antara Umur Dengan Perhubungan Keluarga Yang Baik
N=200

Umur	Setuju	Tidak Setuju
Kurang dari 60 tahun	131 (68.2)	1 (12.5)
Lebih dari 60 tahun	61 (31.8)	7 (87.5)

4.14 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Keperluan Fisiologi dan Sosio-budaya (Aktif Dalam Aktiviti Kebajikan)

Setelah berada di alam persaraan, seseorang pesara bolehlah bergiat cergas dalam aktiviti kebajikan, umpamanya menyertai persatuan sukarela untuk memenuhi masa lapangnya. Jika sewaktu bertugas dahulu, masa yang terhad tidak mengizinkan mereka bergiat aktif dalam aktiviti kebajikan, maka semasa di alam persaraan inilah masa yang sesuai untuk digunakan bagi tujuan tersebut.

Jadual 4.70 menunjukkan perhubungan di antara angkubah bebas dengan aktif dalam aktiviti kebajikan, di mana angkubah umur, pendapatan, dan status perumahan mempunyai perhubungan yang signifikan pada tahap 0.05, dan pada paras keertian 0.004, 0.012, dan 0.002 masing-masingnya.

Ini bererti bahawa hipotesis kajian yang diterima ialah:

- (i) Terdapat perhubungan di antara umur dengan aktif dalam aktiviti kebajikan.

(ii) Terdapat perhubungan di antara pendapatandengan aktif dalam aktiviti kebajikan.

(iii) Terdapat perhubungan di antara status perumahan dengan aktif dalam aktiviti kebajikan.

Jadual 4.70
Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Aktif Dalam Aktiviti Kebajikan

Angkubah	Nilai khi-kuasa dua	Darjah Kebebasan	Paras Keertian	Perhubungan pada tahap 0.05
Umur	8.35	1	0.004	Signifikan
Jantina	0.27	1	0.607	Tidak Signifikan
Bangsa	2.69	1	0.101	Tidak Signifikan
Agama	2.69	1	0.101	Tidak Signifikan
Pendapatan	6.29	1	0.012	Signifikan
Status Perumahan	9.21	1	0.002	Signifikan

Kesimpulannya ialah, umur, pendapatan, dan status perumahan adalah merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap dan tingkah laku pesara untuk bergiat aktif dalam aktiviti kebajikan.

4.14.1 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Umur) Dengan Aktif Dalam Aktiviti Kebajikan

Perhubungan di antara umur dengan aktif dalam aktiviti kebajikan ditunjukkan dalam Jadual 4.71. Daripada 132 responden yang berumur kurang dari

60 tahun, 77 orang (58.3 peratus) daripadanya bersetuju, dan bakinya 55 orang (41.7 peratus) tidak bersetuju. Bagi 68 responden yang berumur lebih dari 60 tahun, seramai 25 orang (36.8 peratus) bersetuju, dan 43 orang lagi (63.2 peratus) tidak bersetuju. Ini menunjukkan wujudnya perhubungan di antara umur dengan aktif dalam aktiviti kebajikan, di mana majoriti responden yang bersetuju berumur kurang dari 60 tahun, dan majoriti responden yang tidak bersetuju berumur lebih dari 60 tahun.

Jadual 4.71
Perhubungan Di Antara Umur Dengan Aktif Dalam Aktiviti Kebajikan
N=200

Umur	Setuju	Tidak Setuju
Kurang dari 60 tahun	84 (47.7)	92 (52.3)
Lebih dari 60 tahun	25 (36.8)	43 (63.2)

4.14.2 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Pendapatan) Dengan Aktif Dalam Aktiviti Kebajikan

Dari Jadual 4.72 dapat dilihat perhubungan di antara pendapatan dengan aktif dalam aktiviti kebajikan. Bagi responden yang berpendapatan kurang dari RM1000 sebulan, 84 orang (47.7 peratus) bersetuju, manakala 55 orang lagi (41.7 peratus) tidak bersetuju. Bagi responden yang berpendapatan lebih dari RM1000 sebulan pula, 25 orang (36.8 peratus) bersetuju, dan 43 orang (63.2 peratus) tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa terdapatnya perhubungan di antara pendapatan dengan aktif dalam aktiviti kebajikan, di mana lebih dari separuh responden yang tidak

bersetuju berpendapatan kurang dari RM1000, dan tiga suku responden yang bersetuju berpendapatan lebih dari RM1000 sebulan.

Jadual 4.72
Perhubungan Di Antara Pendapatan Dengan Aktif Dalam Aktiviti Kebajikan
N=200

Pendapatan	Setuju	Tidak Setuju
Kurang dari RM1000	84 (47.7)	92 (52.3)
Lebih dari RM1000	18 (75.0)	6 (25.0)

4.14.3 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Status Perumahan) Dengan Aktif Dalam Aktiviti Kebajikan

Jadual 4.73 menunjukkan perhubungan di antara status perumahan dengan aktif dalam aktiviti kebajikan, di mana 185 responden mempunyai rumah, dan 15 responden tidak mempunyai rumah. Seramai 100 responden (54.1 peratus) yang mempunyai rumah bersetuju dengan kegiatan tersebut, manakala 85 orang lagi (45.9 peratus) tidak bersetuju. Bagi responden yang tidak mempunyai rumah, dua orang (13.3 peratus) daripadanya bersetuju, dan 13 orang (86.7 peratus) tidak bersetuju. Ini menunjukkan wujudnya perhubungan di antara status perumahan dengan aktif dalam kegiatan kebajikan, di mana lebih dari separuh responden yang bersetuju adalah yang mempunyai rumah, dan majoriti yang tidak bersetuju adalah terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai rumah.

Jadual 4.73
Perhubungan Di Antara Status Perumahan Dengan Aktif
Dalam Aktiviti Kebajikan

N=200

Status Perumahan	Setuju	Tidak Setuju
Ada	100 (54.1)	85 (45.9)
Tiada	2 (13.3)	13 (86.7)

4.15 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Keperluan Fisiologi dan Sosio-budaya (Keperluan Perumahan)

Rumah adalah penting sebagai tempat berlindung dari hujan dan panas. Selain daripada itu rumah juga adalah merupakan salah satu keperluan yang perlu ada dalam hidup. Namun begitu, bukan semua orang sanggup menyediakan rumah untuk keluarganya.

Dalam Jadual 4.74 di bawah menunjukkan kesemua angkubah bebas, iaitu umur, jantina, bangsa, agama, pendapatan dan status perumahan tidak mempunyai perhubungan yang signifikan dengan keperluan perumahan pada tahap lima peratus. Ini bererti bahawa hipotesis kajian yang mengatakan terdapatnya perhubungan di antara angkubah bebas dengan keperluan perumahan adalah tidak diterima.

Jadual 4.74

Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Keperluan Perumahan

Angkubah	Nilai khi-kuasa dua	Darjah Kebebasan	Paras Keertian	Perhubungan pada tahap 0.05
Umur	2.10	1	0.147	Tidak Signifikan
Jantina	0.72	1	0.396	Tidak Signifikan
Bangsa	0.00	1	0.981	Tidak Signifikan
Agama	0.00	1	0.981	Tidak Signifikan
Pendapatan	0.56	1	0.456	Tidak Signifikan
Status Perumahan	0.33	1	0.565	Tidak Signifikan

**4.16 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Keperluan Ekonomi
(Menambahkan Pendapatan)**

Setelah bersara, pendapatan pencen yang diperolehi hanyalah sebahagian sahaja daripada gaji yang diperolehi ketika masih bertugas dahulu. Oleh itu, ada pesara yang merasakan yang mereka perlu menambahkan pendapatan untuk menampung kos hidup.

Jadual 4.75 menunjukkan perhubungan di antara angkubah bebas dengan keperluan untuk menambahkan pendapatan. Dari jadual tersebut, dapat dilihat bahawa angkubah jantina, pendapatan, dan status perumahan mempunyai perhubungan yang signifikan pada tahap 0.05, dan pada paras keertian 0.003, 0.009, dan 0.000 masing-masingnya

Jadual 4.75
Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Keperluan Menambahkan Pendapatan

Angkubah	Nilai khi-kuasa dua	Darjah Kebebasan	Paras Keertian	Perhubungan pada tahap 0.05
Umur	2.50	1	0.114	Tidak Signifikan
Jantina	13.36	1	0.000	Signifikan
Bangsa	0.23	1	0.630	Tidak Signifikan
Agama	0.23	1	0.630	Tidak Signifikan
Pendapatan	3.77	1	0.009	Signifikan
Status Perumahan	13.81	1	0.000	Signifikan

Ini bererti bahawa hipotesis kajian yang diterima ialah:

- (i) Terdapat perhubungan di antara jantina dengan keperluan untuk menambahkan pendapatan.
- (ii) Terdapat perhubungan di antara pendapatan dengan keperluan untuk menambahkan pendapatan.
- (iii) Terdapat perhubungan di antara status perumahan dengan keperluan untuk menambahkan pendapatan.

Kesimpulannya ialah, jantina, pendapatan, dan status perumahan adalah merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap dan tingkah laku pesara untuk menambahkan pendapatan.

4.16.1 Perhubungan Di Antara Angkubah bebas (Jantina) Dengan Menambahkan Pendapatan

Dalam meneruskan hidup di alam persaraan, ada pesara yang mengatakan bahawa pencecaraan mereka tidak mencukupi. Oleh itu mereka terpaksa mencari lain-lain sumber untuk menambahkan pendapatan.

Dari Jadual 4.76 dapat dilihat seramai 101 responden (59.4 peratus) laki-laki bersetuju dengan keperluan untuk menambahkan pendapatan, manakala 69 orang lagi (40.6 peratus) tidak bersetuju. Daripada 30 responden perempuan, tujuh orang lagi (23.3 peratus) daripadanya bersetuju dengan keperluan tersebut, sedangkan 23 orang (76.7 peratus) tidak bersetuju. Ini menunjukkan terdapatnya perhubungan di antara jantina dengan keperluan untuk menambahkan pendapatan, di mana lebih separuh responden laki-laki bersetuju dengan keperluan itu, manakala lebih tiga suku responden perempuan tidak bersetuju.

Jadual 4.76
Perhubungan Di Antara Jantina Dengan Menambahkan Pendapatan

N=200

Jantina	Setuju	Tidak Setuju
Laki-laki	101 (59.4)	69 (40.6)
Perempuan	7 (23.3)	23 (76.7)

4.16.2 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Pendapatan) Dengan Menambahkan Pendapatan

Melihat kepada perhubungan di antara angkubah pendapatan dengan keperluan menambahkan pendapatan, Jadual 4.77 menunjukkan seramai 101

responden (57.4 peratus) yang berpendapatan kurang dari RM1000 bersetuju dengan perkara tersebut. Tujuh puluh lima orang lagi (42.6 peratus) tidak bersetuju. Bagi responden yang berpendapatan lebih dari RM1000, seramai tujuh orang (29.2 peratus) bersetuju, dan 17 orang lagi (70.8 peratus) tidak bersetuju. Ini bermakna terdapatnya perhubungan di antara pendapatan dengan keperluan menambahkan pendapatan, di mana lebih separuh dari responden yang berpendapatan kurang dari RM1000 bersetuju, manakala hampir tiga suku responden yang berpendapatan lebih dari RM1000 tidak bersetuju.

Jadual 4.77
Perhubungan Di Antara Pendapatan Dengan Menambahkan Pendapatan
N=200

Pendapatan	Setuju	Tidak Setuju
Kurang dari RM1000	101 (57.4)	75 (42.6)
Lebih dari RM1000	7 (29.2)	17 (70.8)

4.16.3 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Status Perumahan) Dengan Menambahkan Pendapatan

Jadual 4.78 menunjukkan perhubungan di antara status perumahan dengan keperluan menambahkan pendapatan. Seramai 93 responden (50.3 peratus) yang mempunyai rumah bersetuju dengan keperluan tersebut, manakala 92 orang lagi (49.7 peratus) tidak bersetuju. Bagi responden yang tidak mempunyai rumah, kesemua 15 orang bersetuju. Ini menunjukkan lebih separuh daripada responden yang dikaji bersetuju bahawa mereka perlu menambahkan pendapatan di alam persaraan.

Jadual 4.78
Perhubungan Di Antara Status Perumahan Dengan Menambahkan Pendapatan
N=200

Status Perumahan	Setuju	Tidak Setuju
Ada	93 (50.3)	92 (49.7)
Tiada	15 (100)	-

4.17 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Keperluan Ekonomi (Perlu Mencari Pekerjaan Yang Sesuai)

Untuk menambahkan pendapatan, para pesara terpaksa mencari pekerjaan yang bersesuaian dengan mereka. Jadual 4.79 menunjukkan perhubungan di antara angkubah bebas dengan keperluan mencari pekerjaan yang sesuai semasa berada di alam persaraan. Untuk tujuan penganalisisan, enam angkubah bebas digunakan di mana hanya dua angkubah sahaja (jantina dan status perumahan) yang mempunyai perhubungan yang signifikan pada tahap 0.05, dan pada paras keertian 0.000 dan 0.000 masing-masingnya.

Ini bererti bahawa hipotesis kajian yang diterima ialah:

(i) Terdapat perhubungan di antara jantina dengan keperluan mencari pekerjaan

yang sesuai.

(ii) Terdapat perhubungan di antara status perumahan dengan keperluan mencari

pekerjaan yang sesuai.

Kesimpulannya ialah, jantina dan status perumahan adalah merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap dan tingkah laku pesara untuk mencari pekerjaan yang sesuai.

Jadual 4.79
Perhubungan Di Antara Angkubah bebas Dengan
Perlu Mencari Pekerjaan Yang Sesuai

Angkubah	Nilai Khi-kuasa dua	Darjah Kebebasan	Paras Keertian	Perhubungan pada tahap 0.05
Umur	0.039	1	0.844	Tidak Signifikan
Jantina	16.16	1	0.000	Signifikan
Bangsa	0.17	1	0.680	Tidak Signifikan
Agama	0.17	1	0.680	Tidak Signifikan
Pendapatan	3.22	1	0.073	Tidak Signifikan
Status Perumahan	15.90	1	0.000	Signifikan

4.17.1 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Jantina) Dengan Kesukaran Mencari Pekerjaan Yang Sesuai

Perhubungan di antara jantina dengan keperluan mencari pekerjaan yang sesuai ditunjukkan dalam Jadual 4.80, di mana 96 responden laki-laki (56.5 peratus) bersetuju, dan 74 orang lagi (43.5 peratus) tidak bersetuju. Bagi responden perempuan pula, seramai lima orang (16.7 peratus) bersetuju, dan 25 orang (83.3 peratus) tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa terdapat perhubungan di antara jantina dengan keperluan mencari pekerjaan, di mana lebih setengah dari responden laki-laki bersetuju, dan lebih tiga suku responden perempuan tidak bersetuju.

Jadual 4.80
Perhubungan Di Antara Jantina Dengan Perlu
Mencari Pekerjaan Yang Sesuai

N=200

Jantina	Setuju	Tidak Setuju
Laki-laki	96 (56.5)	74 (43.5)
Perempuan	5 (16.7)	25 (83.3)

4.17.2 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Status Perumahan) Dengan Perlu Mencari Pekerjaan Yang Sesuai

Bagi perhubungan di antara status perumahan dengan keperluan mencari pekerjaan yang sesuai, Jadual 4.81 menunjukkan seramai 86 responden yang mempunyai rumah (46.5 peratus) bersetuju, manakala 99 orang lagi (53.5 peratus) tidak bersetuju.

Jadual 4.81
Perhubungan Di Antara Status Perumahan Dengan Perlu
Mencari Pekerjaan Yang Sesuai

N=200

Status Perumahan	Setuju	Tidak Setuju
Ada	86 (46.5)	99 (53.5)
Tiada	15 (100)	-

Untuk responden yang tidak mempunyai rumah, kesemua 15 orang bersetuju. Ini menunjukkan bahawa wujud perhubungan di antara status perumahan dengan keperluan mencari pekerjaan yang sesuai, kerana lebih dari sebahagian responden

yang mempunyai rumah tidak bersetuju dengan perkara ini, dan kesemua responden yang tidak mempunyai rumah bersetuju.

4.18 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Keperluan Ekonomi (Main Saham Untuk Menambahkan Pendapatan)

Dalam melihat perhubungan di antara angkubah bebas dengan main saham untuk menambahkan pendapatan, Jadual 4.82 menunjukkan bahawa hanya angkubah jantina dan pendapatan sahaja yang mempunyai perhubungan yang signifikan pada tahap 0.05, dan pada paras keertian 0.014 dan 0.005 masing-masingnya.

Jadual 4.82
Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Main Saham
Untuk Menambahkan Pendapatan

Angkubah	Nilai Khi-kuasa dua	Darjah Kebebasan	Paras Keertian	Perhubungan pada tahap 0.05
Umur	0.15	1	0.700	Tidak Signifikan
Jantina	6.03	1	0.014	Signifikan
Bangsa	0.00	1	0.948	Tidak Signifikan
Agama	0.00	1	0.948	Tidak Signifikan
Pendapatan	7.72	1	0.006	Signifikan
Status Perumahan	2.77	1	0.096	Tidak Signifikan

Ini bererti bahawa hipotesis kajian yang diterima ialah:

- (i) Terdapat perhubungan di antara jantina dengan bermain saham untuk menambahkan pendapatan.

- (ii) Terdapat perhubungan di antara pendapatan dengan bermain saham untuk menambahkan pendapatan.

Kesimpulannya ialah, jantina, dan pendapatan adalah merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap dan tingkah laku pesara untuk menambahkan pendapatan dengan bermain saham.

4.18.1 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Jantina) Dengan Main Saham Untuk Menambahkan Pendapatan

Bermain saham adalah salah satu cara yang dikatakan boleh menambahkan pendapatan seseorang. Jadual 4.83 menunjukkan bahawa seramai 29 orang responden laki-laki (17.2 peratus) bersetuju dengan perkara ini, manakala 140 orang lagi (82.8 peratus) tidak bersetuju. Bagi responden perempuan pula kesemua 30 orang tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa sebahagia besar responden tidak bersetuju bahawa bermain saham boleh menambahkan pendapatan.

Jadual 4.83
Perhubungan Di Antara Jantina Dengan Main Saham
Untuk Menambahkan Pendapatan

N=200

Jantina	Setuju	Tidak Setuju
Laki-laki	29 (17.2)	140 (82.8)
Perempuan	-	30 (100)

4.18.2 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Pendapatan) Dengan Main Saham Untuk Menambahkan Pendapatan

Seramai 21 orang responden (12.0 peratus) yang berpendapatan kurang dari RM1000 bersetuju bahawa bermain saham boleh menambahkan pendapatan, sementara 154 orang lagi (88.0 peratus) tidak bersetuju. Bagi responden yang berpendapatan lebih dari RM1000, lapan orang (33.3 peratus) bersetuju, berbanding 16 orang (66.7 peratus) tidak bersetuju.(Jadual 4.84). Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden tidak bersetuju dengan bermain saham boleh menambahkan pendapatan.

Jadual 4.84
Perhubungan Di Antara Pendapatan Dengan Main Saham
Untuk Menambahkan Pendapatan

N=200

Pendapatan	Setuju	Tidak Setuju
Kurang dari RM1000	21 (12.0)	154 (88.0)
Lebih dari RM1000	8 (33.3)	16 (66.7)

4.19 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Keperluan Ekonomi (Ekonomi Merosot)

Jadual 4.85 menunjukkan perhubungan di antara angkubah bebas dengan kemerosotan ekonomi. Dari enam angkubah bebas yang digunakan, hanya angkubah bangsa, agama, dan pendapatan sahaja yang mempunyai perhubungan yang signifikan pada tahap 0.05, dan pada paras keertian 0.032, 0.032, dan 0.005 masing-masingnya.

Jadual 4.85
Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Ekonomi Merosot

Angkubah	Nilai Khi-kuasa dua	Darjah Kebebasan	Paras Keertian	Perhubungan pada tahap 0.05
Umur	2.59	1	0.107	Tidak Signifikan
Jantina	0.31	1	0.580	Tidak Signifikan
Bangsa	4.58	1	0.032	Signifikan
Agama	4.58	1	0.032	Signifikan
Pendapatan	8.06	1	0.005	Signifikan
Status Perumahan	0.94	1	0.332	Tidak Signifikan

Ini bererti bahawa hipotesis kajian yang diterima ialah:

(i) Terdapat perhubungan di antara bangsa dengan kemerosostan ekonomi.

(ii) Terdapat perhubungan di antara agama dengan kemerosotan ekonomi.

(iii) Terdapat perhubungan di antara pendapatan dengan kemerosotan ekonomi.

Kesimpulannya ialah, bangsa, agama, dan pendapatan adalah merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap dan tingkah laku pesara yang mengatakan keadaan ekonomi mereka merosot apabila bersara.

4.19.1 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Bangsa) Dengan Ekonomi Merosot

Dari Jadual 4.86 dapat dilihat 65 responden (43.6 peratus) berbangsa Melayu bersetuju bahawa keadaan ekonomi mereka merosot apabila bersara dari alam pekerjaan, manakala 84 orang lagi (56.4 peratus) tidak bersetuju. Bagi responden

bukan Melayu, seramai 30 orang (61.2 peratus) bersetuju, dan 19 orang lagi (38.8 peratus) tidak bersetuju. Jadual di atas menunjukkan bahawa terdapat perhubungan di antara bengsa dengan keadaan ekonomi yang merosot, di mana lebih separuh daripada responden Melayu tidak bersetuju, dan lebih separuh daripada responden bukan Melayu bersetuju.

Jadual 4.86
Perhubungan Di Antara Bangsa Dengan Ekonomi Merosot

N=198

Bangsa	Setuju	Tidak Setuju
Melayu	65 (43.6)	84 (56.4)
Bukan Melayu	30 (61.2)	19 (38.8)

4.19.2 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Agama) Dengan Ekonomi Merosot

Bagi perhubungan di antara agama dengan keadaan ekonomi merosot seperti yang tertera dalam Jadual 4.87 menunjukkan seramai 65 responden (43.6 peratus) beragama Islam bersetuju dengan perkara ini, manakala 84 orang lagi (56.4 peratus) tidak bersetuju. Bagi responden yang bukan beragama Islam, 30 orang (61.2 peratus) bersetuju, sedangkan 19 orang lagi (38.8 peratus) tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa wujud perhubungan di antara agama dengan kemerosotan ekonomi, di mana lebih separuh responden beragama Islam tidak bersetuju, dan lebih sebahagian responden yang bukan beragama Islam bersetuju.

Jadual 4.87
Perhubungan Di Antara Agama Dengan Ekonomi Merosot
N=198

Agama	Setuju	Tidak Setuju
Islam	65 (43.6)	84 (56.4)
Bukan Islam	30 (61.2)	19 (38.8)

4.19.3 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Pendapatan) Dengan Ekonomi Merosot

Bagi responden yang berpendapatan kurang dari RM1000, 90 orang daripadanya (51.7 peratus) bersetuju bahawa mereka mengalami kemerosotan ekonomi apabila bersara, dan 84 orang lagi (48.3 peratus) tidak bersetuju. Bagi responden yang berpendapatan lebih dari RM1000 pula, lima orang (20.8 peratus) bersetuju, manakala selebihnya 19 orang (79.2 peratus) tidak bersetuju (lihat Jadual 4.88). Ini menunjukkan terdapatnya perhubungan di antara pendapatan dengan kemerosotan ekonomi, di mana lebih dari separuh responden yang berpendapatan kurang dari RM1000 bersetuju, berbanding lebih tiga suku responden berpendapatan lebih dari RM1000 yang tidak bersetuju.

Jadual 4.88
Perhubungan Di Antara Pendapatan Dengan Ekonomi Merosot

N=198

Pendapatan	Setuju	Tidak Setuju
Kurang dari RM1000	90 (51.7)	84 (48.3)
Lebih dari RM1000	5 (20.8)	19 (79.2)

4.20 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Keperluan Kesihatan (Penjagaan Kesihatan Sangat Penting)

Perhubungan di antara angkubah bebas dengan penjagaan kesihatan sangat penting dapat dilihat dalam Jadual 4.89. Dari jadual itu, didapati tiada angkubah yang mempunyai perhubungan yang signifikan pada tahap 0.05. Ini bererti bahawa hipotesis kajian yang mengatakan terdapatnya perhubungan di antara angkubah bebas dengan penjagaan kesihatan sangat penting adalah ditolak.

Jadual 4.89
Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Penjagaan Kesihatan Sangat Penting

Angkubah	Nilai Khi-kuasa dua	Darjah Kebebasan	Paras Keertian	Perhubungan pada tahap 0.05
Umur	1.45	1	0.229	Tidak Signifikan
Jantina	0.54	1	0.464	Tidak Signifikan
Bangsa	2.93	1	0.087	Tidak Signifikan
Agama	2.93	1	0.087	Tidak Signifikan
Pendapatan	1.31	1	0.252	Tidak Signifikan
Status Perumahan	0.25	1	0.619	Tidak Signifikan

4.21 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Keperluan Kesihatan (Keperluan Rawatan Perubatan)

Jadual 4.90 menjelaskan perhubungan di antara angkubah bebas dengan keperluan rawatan perubatan. Dalam jadual itu cuma angkubah umur dan status perumahan sahaja

yang mempunyai perhubungan yang signifikan dengan keperluan rawatan perubatan pada tahap 0.05, dan pada paras keertian 0.007 dan 0.024 masing-masingnya.

Ini bererti bahawa hipotesis kajian yang diterima ialah:

- (i) Terdapat perhubungan di antara umur dengan keperluan rawatan perubatan.
- (ii) Terdapat perhubungan di antara status perumahan dengan keperluan rawatan perubatan.

Kesimpulannya ialah, umur dan status perumahan adalah merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap dan tingkah laku pesara terhadap keperluan rawatan perubatan.

Jadual 4.90
Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Keperluan Rawatan Perubatan

Angkubah	Nilai Khi-kuasa dua	Darjah Kebebasan	Paras Keertian	Perhubungan pada tahap 0.05
Umur	7.38	1	0.007	Signifikan
Jantina	0.02	1	0.889	Tidak Signifikan
Bangsa	2.41	1	0.120	Tidak Signifikan
Agama	2.41	1	0.120	Tidak Signifikan
Pendapatan	0.70	1	0.402	Tidak Signifikan
Status Perumahan	5.07	1	0.024	Signifikan

4.21.1 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Umur) Dengan Keperluan Rawatan Perubatan

Perhubungan di antara umur dengan keperluan rawatan perubatan dapat dilihat dalam Jadual 4.91. Seramai 51 responden (38.6 peratus) yang berumur

kurang dari 60 tahun bersetuju bahawa mereka memerlukan rawatan perubatan, manakala 81 orang lagi (61.4 peratus) tidak bersetuju. Bagi responden yang berumur lebih dari 60 tahun pula, seramai 40 orang (58.8 peratus) daripadanya bersetuju, dan 28 orang lagi (41.2 peratus) tidak bersetuju. Jadual di atas menunjukkan terdapatnya perhubungan di antara umur dengan keperluan rawatan perubatan di mana lebih dari separuh responden yang berumur kurang dari 60 tahun tidak bersetuju, dan lebih dari separuh responden yang berumur lebih dari 60 tahun bersetuju dengan perkara ini.

Jadual 4.91
Perhubungan Di Antara Umur Dengan Keperluan Rawatan Perubatan

$N=200$

Umur	Setuju	Tidak Setuju
Kurang dari 60 tahun	51 (38.6)	81 (61.4)
Lebih dari 60 tahun	40 (58.8)	28 (41.2)

4.21.2 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Status Perumahan) Dengan Keperluan Rawatan Perubatan

Jadual 4.92 menunjukkan perhubungan di antara angkubah status perumahan dengan keperluan rawatan perubatan, di mana 80 responden (43.2 peratus) yang memiliki rumah bersetuju, dan 105 orang lagi (56.8 peratus) tidak bersetuju. Bagi responden yang tidak memiliki rumah, 11 orang (73.3 peratus) bersetuju, dan empat orang lagi (26.7 peratus) tidak bersetuju.

Jadual 4.92
Perhubungan Di Antara Status Perumahan Dengan
Keperluan Rawatan Perubatan

N=200

Status Perumahan	Setuju	Tidak Setuju
Ada	80 (43.2)	105 (56.8)
Tiada	11 (73.3)	4 (26.7)

Jadi, jadual di atas menunjukkan wujudnya perhubungan di antara status perumahan dengan keperluan rawatan perubatan, di mana lebih dari 50 peratus responden yang memiliki rumah tidak bersetuju bahawa mereka memerlukan rawatan perubatan, dan lebih dari 70 peratus responden yang tidak memiliki rumah bersetuju dengan perkara ini.

4.22 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Keperluan Kesihatan (Berulang-alik ke Hospital)

Untuk mendapatkan rawatan perubatan, seseorang itu perlu berulang-alik ke hospital. Jadual 4.93 menunjukkan perhubungan di antara angkubah bebas dengan berulang-alik ke hospital, di mana hanya tiga angkubah sahaja (umur, bangsa, dan agama) yang mempunyai perhubungan yang signifikan pada tahap 0.05, dan pada paras keertian 0.016, 0.041, dan 0.041 masing-masingnya.

Ini bererti bahawa hipotesis kajian yang diterima ialah:

- (i) Terdapat perhubungan di antara umur dengan selalu berulang-alik ke hospital.

- (ii) Terdapat perhubungan di antara bangsa dengan selalu berulang-alik ke hospital.
- (iii) Terdapat perhubungan di antara agama dengan selalu berulang-alik ke hospital
- Kesimpulannya ialah, umur, bangsa, dan agama adalah merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap dan tingkah laku pesara berulang-alik ke hospital untuk mendapatkan rawatan perubatan.

Jadual 4.93
Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Berulang-alik ke Hospital

Angkubah	Nilai Khi-kuasa dua	Darjah Kebebasan	Paras Keertian	Perhubungan pada tahap 0.05
Umur	5.76	1	0.016	Signifikan
Jantina	0.00	1	0.966	Tidak Signifikan
Bangsa	4.16	1	0.042	Signifikan
Agama	4.16	1	0.042	Signifikan
Pendapatan	1.83	1	0.177	Tidak Signifikan
Status Perumahan	3.03	1	0.082	Tidak Signifikan

4.22.1 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Umur) Dengan Berulang-alik ke Hospital

Dalam melihat perhubungan di antara umur dengan berulang-alik ke hospital seperti yang tertera dalam Jadual 4.94, dapat dilihat seramai 36 responden (27.3 peratus) yang berumur kurang dari 60 tahun bersetuju bahawa mereka selalu berulang-alik ke hospital untuk mendapatkan rawatan. Sementara itu, 96 orang lagi (72.7 peratus) tidak bersetuju. Bagi responden yang berumur lebih dari 60 tahun, seramai 30 orang (44.1 peratus) bersetuju, dan bakinya 38 orang (55.9 peratus) tidak

bersetuju. Ini menunjukkan bahawa lebih dari separuh responden tidak bersetuju bahawa mereka selalu berulang-alik ke hospital untuk mendapatkan rawatan.

Jadual 4.94
Perhubungan Di Antara Umur Dengan Berulang-alik Ke Hospital

N=200

Umur	Setuju	Tidak Setuju
Kurang dari 60 tahun	36 (27.3)	96 (72.7)
Lebih dari 60 tahun	30 (44.1)	38 (55.9)

4.22.2 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Bangsa) Dengan Berulang-alik ke Hospital

Perhubungan di antara pendapatan dengan berulang-alik ke hospital untuk mendapatkan rawatan ditunjukkan dalam Jadual 4.95. Bagi responden yang berbangsa Melayu yang berjumlah seramai 151 orang, 44 orang (29.1 peratus) daripadanya bersetuju, manakala 107 orang lagi (70.9 peratus) tidak bersetuju.

Jadual 4.95
Perhubungan Di Antara Bangsa Dengan Berulang-alik Ke Hospital

N=200

Bangsa	Setuju	Tidak Setuju
Melayu	44 (29.1)	107 (70.9)
Bukan Melayu	22 (44.9)	27 (55.1)

Daripada 49 orang responden bukan Melayu, 22 orang (44.9 peratus) daripadanya bersetuju, sedangkan 27 orang lagi (55.1 peratus) tidak bersetuju. Ini

menunjukkan bahawa lebih dari separuh responden tidak bersetuju bahawa mereka perlu berulang-alik ke hospital untuk mendapatkan rawatan.

4.22.3 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Agama) Dengan Berulang-alik ke Hospital

Bagi perhubungan di antara agama dengan keperluan berulang-alik ke hospital untuk mendapatkan rawatan perubatan, Jadual 4.96 menunjukkan seramai 44 responden (29.1 peratus) yang beragama Islam bersetuju dengan perkara itu, manakala 107 orang lagi (70.9 peratus) tidak bersetuju. Dalam pada itu, seramai 22 responden (44.9 peratus) yang bukan beragama Islam bersetuju, dan bakinya 27 responden (55.1 peratus) tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa lebih dari setengah responden yang dikaji tidak bersetuju bahawa mereka selalu berulang-alik ke hospital untuk mendapatkan rawatan perubatan.

Jadual 4.96
Perhubungan Di Antara Agama Dengan Berulang-alik Ke Hospital

N=200

Agama	Setuju	Tidak Setuju
Islam	44 (29.1)	107 (70.9)
Bukan Islam	22 (44.9)	27 (55.1)

4.23 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Keperluan Kesihatan (Keperluan Tempat Rekreasi)

Kerajaan telah menyediakan banyak tempat rekreasi di negara ini. Tempat rekreasi ini perlulah dijaga dan digunakan dengan sebaik-baiknya. Banyak manfaat yang boleh diperolehi dengan penyediaan tempat-tempat rekreasi ini.

Dalam Jadual 4.97 menunjukkan perhubungan di antara angkubah bebas dengan keperluan tempat rekreasi. Dari jadual tersebut dapat dilihat bahawa kesemua angkubah bebas tidak mempunyai perhubungan yang signifikan pada tahap 0.05. Ini bererti bahawa hipotesis kajian yang mengatakan terdapatnya perhubungan di antara angkubah bebas dengan keperluan tempat rekreasi adalah ditolak.

Jadual 4.97
Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Keperluan Tempat Rekreasi

Angkubah	Nilai Khi-kuasa dua	Darjah Kebebasan	Paras Keertian	Perhubungan pada tahap 0.05
Umur	0.81	1	0.367	Tidak Signifikan
Jantina	3.11	1	0.078	Tidak Signifikan
Bangsa	0.01	1	0.938	Tidak Signifikan
Agama	0.01	1	0.938	Tidak Signifikan
Pendapatan	0.51	1	0.475	Tidak Signifikan
Status Perumahan	0.02	1	0.883	Tidak Signifikan

4.24 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Keperluan Kesihatan (Kepentingan Senaman)

Jadual 4.98 menunjukkan perhubungan di antara angkubah bebas dengan kepentingan melakukan senaman untuk menjaga kesihatan. Daripada enam angkubah yang digunakan, cuma angkubah jantina mempunyai perhubungan yang signifikan pada tahap 0.05, dan pada paras keertian 0.001

Ini bererti bahawa hipotesis kajian yang diterima ialah terdapat perhubungan di antara jantina dengan kepentingan senaman. Kesimpulannya ialah, jantina adalah merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap dan tingkah laku pesara terhadap kepentingan senaman.

**Jadual 4.98
Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas Dengan Kepentingan Senaman**

Angkubah	Nilai Khi-kuasa dua	Darjah Kebebasan	Paras Keertian	Perhubungan pada tahap 0.05
Umur	0.34	1	0.562	Tidak Signifikan
Jantina	11.94	1	0.001	Signifikan
Bangsa	2.50	1	0.114	Tidak Signifikan
Agama	2.50	1	0.114	Tidak Signifikan
Pendapatan	0.48	1	0.489	Tidak Signifikan
Status Perumahan	0.88	1	0.347	Tidak Signifikan

4.24.1 Perhubungan Di Antara Angkubah Bebas (Jantina) Dengan Kepentingan Senaman

Jadual 4.99 menunjukkan perhubungan di antara jantina dengan kepentingan senaman. Dalam kajian yang dijalankan terhadap 170 responden laki-laki dan 30 responden perempuan, didapati 118 responden (69.4 peratus) laki-laki bersetuju dengan kepentingan melakukan senaman, dan 52 orang (30.6 peratus) tidak bersetuju. Bagi responden perempuan pula, 11 orang (36.7 peratus) bersetuju, dan 19 orang lagi (63.3 peratus) tidak bersetuju. Ini bererti bahawa wujud perhubungan di antara jantina dengan kepentingan melakukan senaman kerana lebih dari setengah responden laki-laki bersetuju, dan lebih dari setengah responden perempuan tidak bersetuju.

Jadual 4.99
Perhubungan Di Antara Jantina Dengan Kepentingan Senaman

N=200

Jantina	Setuju	Tidak Setuju
Laki-laki	118 (69.4)	52 (30.6)
Perempuan	11 (36.7)	19 (63.3)

4.25 Kesimpulan

Daripada analisis yang telah dijalankan di atas, jelas menunjukkan kebanyakan responden bersetuju bahawa keperluan fisiologi dan sosio-budaya, keperluan ekonomi, dan keperluan kesihatan adalah penting dan amat diperlukan. Bagi keperluan fisiologi dan sosio-budaya, majoriti responden menyatakan persetujuan mereka terhadap

keperluan santapan (makan dan minum), keperluan pakaian dan persalinan, keperluan mengadakan pergaulan yang baik, keperluan mengwujudkan perhubungan kekeluargaan yang baik, keperluan melibatkan diri dalam aktiviti kebajikan untuk memenuhi masa lapang, dan keperluan perumahan untuk keluarga. Apa yang jelas, keperluan fisiologi dan sosio-budaya adalah merupakan keperluan asas yang sangat diperlukan oleh semua manusia, termasuklah para pesara. Jika keperluan asas ini tidak dapat dipenuhi, maka kehidupan seseorang itu akan terjejas.

Melihat kepada keperluan ekonomi, lebih dari separuh responden bersetuju bahawa mereka perlu menambahkan pendapatan untuk menampung wang pencen yang diperolehi. Sungguhpun begitu, mereka tidak mengaku bahawa kedudukan ekonomi mereka tidak sebaik seperti waktu masih bekerja dahulu. Apa yang jelas di sini, ialah, walaupun pendapatan mereka telah berkurangan, namun wang sebanyak itu masih dapat menampung hidup mereka untuk meneruskan hidup di alam persaraan.

Bagi keperluan kesihatan pula, majoriti responden bersetuju bahawa penjagaan kesihatan adalah penting. Mereka juga mengaku bahawa keadaan kesihatan mereka adalah baik, dan tidak perlu sering berulang-alik ke hospital atau klinik kerajaan untuk mendapatkan rawatan. Lebih dari separuh responden juga bersetuju bahawa senaman adalah merupakan salah satu cara untuk menjaga kesihatan. Mereka juga memerlukan kemudahan tempat rekreasi untuk beriadah dan menenangkan fikiran.

Analisis yang dijalankan itu juga menunjukkan bahawa majoriti responden tidak menghadapi banyak masalah untuk memenuhi keperluan-keperluan tersebut. Mereka menyatakan bahawa kedudukan ekonomi mereka berada di dalam keadaan yang baik, kehidupan sosial mereka juga baik, dan keadaan kesihatan mereka adalah memuaskan.